



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6685]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Jadual—

Kepala B. 53 dan B. 54 [Ruangan 6699]

Kepala B. 55 hingga B. 62 [Ruangan 6712]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6698]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Kepala P. 53 dan P. 54 [Ruangan 6699]

Kepala P. 55 hingga P. 62 [Ruangan 6712]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJI, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang-Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan)
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kempas).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN ABDULLAH, (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K., (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 8hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENDAFTARAN PENGUNDI- PENGUNDI BARU

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan adakah sambutan rakyat terhadap Pendaftaran Pengundi baharu-baharu ini masih dingin seperti di tahun-tahun sebelumnya atau lebih berubah dengan banyaknya. Kalau belum apakah tindakan baru yang akan dibuat oleh Kerajaan. Nyatakan perbandingan pendaftaran 1974 dan 1976 bagi tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya pendaftaran pengundi-pengundi baru adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan bilangan pengundi-pengundi pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi kelaziman bagi orang ramai berlumba-lumba untuk mendaftar selepas sahaja pilihanraya umum diadakan kerana adanya mereka yang tidak dapat mengundi ataupun yang belum boleh mengundi ketika itu. Tetapi selepas itu makin kuranglah orang mendaftar sehinggalah masa pilihanraya yang akan datang diadakan. Oleh yang demikian, saya fikir tidaklah perlu diambil langkah-langkah baru kerana saya yakin bilangan mereka yang memohon mendaftar sebagai pengundi akan bertambah apabila urusan pendaftaran pemilih diadakan pada tahun 1977 dan 1978.

Perbandingan pendaftaran pada tahun 1974 dan 1975 bagi tiap-tiap negeri, maka untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini

saya akan memberikan butir-butir lanjut mengenai perkara tersebut selepas masa Soal-Jawab nanti.

PERPUSTAKAAN PARLIMEN

2. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki Perpustakaan Parlimen supaya membuatnya benar-benar berfaedah kepada Ahli-ahli Parlimen dalam membuat rujukan-rujukan kepada lapuran-lapuran penyata rasmi Parlimen, buku-buku, majallah, penerbitan-penerbitan Kerajaan dan lain-lain.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Perpustakaan Parlimen telah disusun semula untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakannya. Akta-akta Parlimen telah dikemaskinikan dan terdapat juga index untuk memudahkan rujukan kepada kedua-dua perbahasan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di samping itu buku-buku rujukan yang terbaru telah dibeli bagi faedah Ahli-ahli Parlimen. Terdapat juga perkhidmatan potongan akhbar di mana perkara-perkara yang baharu dari akhbar-akhbar dipotong dan difailkan untuk memudahkan rujukan oleh Ahli-ahli Parlimen. Untuk menyenangkan Ahli-ahli Parlimen, Perpustakaan dibuka pada masa mesyuarat Parlimen diadakan iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Di samping itu juga walaupun peruntukan terhad, Perpustakaan Parlimen telah mencuba dengan sedaya-upaya untuk mendapat bahan-bahan perolehan terbaru. Ianya juga telah dapat membeli lebih banyak buku dalam bidang politik kerana lebih banyak wang telah diperuntukkan sekarang. Perpustakaan ini juga mencuba memperolehi lapuran-lapuran Jabatan dan lain-lain penerbitan kira-kira 90 Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

samada seorang Pegawai Penyelidikan dan juga seorang Pembantu akan diambil untuk berkhidmat di dalam khutub-khanah Parlimen supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dapat bahan-bahan yang perlu yang dapat memberi bantuan kepada mereka apabila mereka hendak membahaskan tiap-tiap perkara di dalam Parlimen.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perpustakaan Parlimen pada masa sekarang adalah mencukupi, tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah ditimbangan.

DOKTOR KONTREK

3. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikan doktor luar negeri yang bekerja secara kontrek di negara kita dan bilakah masanya Doktor Kontrek ini tidak diambil lagi;
- (b) bilangan doktor di negara ini mengikut kiraan kaum seperti India, China dan Melayu; dan
- (c) bilakah matlamat supaya doktor ini dapat diimbangkan mengikut kaum di negara kita ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa sekarang terdapat seramai 186 orang Pegawai Perubatan Luar negeri yang berkhidmat secara kontrek samada atas dasar Kerajaan dengan Kerajaan atau secara persendirian. Di semenanjung Malaysia terdapat 142 orang doktor kontrek, di Sarawak 23 orang dan di Sabah 21 orang. Mengenai bila masanya doktor-doktor kontrek ini tidak diambil lagi, adalah sukar untuk menentukannya kerana Kementerian saya masih lagi memerlukan perkhidmatan pegawai-pegawai asing terutama mereka yang berkelulusan pakar.
- (b) bilangan doktor-doktor di negara ini adalah 2,757 orang. Pecahannya mengikut kaum adalah seperti berikut:

Di dalam Perkhidmatan Awam

Melayu	...	...	117 orang
China	...	...	518 "
India dan Sri Lanka	...	...	763 "

European	...	...	22 orang
Lain-lain	...	...	124 "
Jumlah	...	...	1,544 "

Di dalam Swasta

Melayu	...	...	33 orang
China	...	...	801 "
India dan Sri Lanka	...	...	329 "
European	...	...	39 "
Lain-lain	...	...	11 "
Jumlah	...	...	1,213 "

Jumlah kedua-dua dalam perkhidmatan awam dan swasta sebanyak 2,757 orang;

- (c) Adalah sukar untuk menduga bila perimbangan bagi doktor-doktor dapat diwujudkan mengikut komposisi kaum di negara ini.

BUKU HIJAU

4. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa petani-petani tidak dapat memasarkan hasil-hasil usahanya dengan baik menyebabkan mereka tawar hati untuk menggiatkan usahanya dalam rancangan BUKU HIJAU. Jika sedar, apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar. Walau bagaimanapun, tujuan Rancangan Buku Hijau Peringkat Pertama adalah menggalakkan rakyat mengeluarkan hasil pertanian untuk kegunaan sendiri. Oleh itu masalah pasaran tidak harus ditimbulkan.

Di bawah Rancangan Buku Hijau Peringkat Kedua, petani-petani adalah digalakkan mengusahakan pertanian untuk pasaran tetapi terhad kepada jenis-jenis tanaman dan ternakan sebagaimana yang diperakukan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah serta mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa itu. Kalau petani-petani mengikut sistem yang ditentukan oleh Kerajaan, maka pemasaran tidak seharusnya menjadi masalah. Yang selalu menimbulkan masalah pemasaran ialah petani-petani itu menanam dalam jumlah yang banyak tanpa nasihat daripada Jawatankuasa Tindakan Daerah. Kalau demikian halnya, maka pihak Kerajaan tidak seharusnya disalahkan.

PALM OIL EXCHANGE DI KUALA LUMPUR

5. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh sebab Malaysia ialah salah satu pengeksport yang terbesar bagi minyak kelapa sawit dalam dunia ini adakah beliau bercadang hendak menubuhkan satu exchange bagi kelapa sawit (Palm Oil Exchange) sama seperti "Rubber Exchange" di Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bercadang dan di dalam proses untuk menubuhkan sebuah Pasaran Kelapa Sawit atau Palm Oil Exchange di Kuala Lumpur. Kemungkinan atau feasibility bagi menubuhkan pasaran kelapa sawit itu telah dikaji sepenuhnya oleh seorang Pakar Perunding. Mengikut kajian tersebut penubuhan exchange itu boleh memberi faedah kepada pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna minyak kelapa sawit terutamanya dari segi penentuan harga dan simpan milik atau hedging. Kementerian saya juga sedang berusaha untuk mendapat perkhidmatan seorang lagi Pakar Perunding untuk membantu di dalam penubuhan Exchange tersebut.

BOT NELAYAN

6. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri undang-undang menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa bot-bot nelayan menjadi alat penting bagi menyeludup dadah ke negeri kita. Jika sedar, adakah sebarang langkah diambil bagi mengawalinya; dan
- (b) bilangan pelancung-pelancung luar negeri yang telah ditangkap dan dihukum kerana terlibat dengan dadah. Sebutkan bangsa dan negara mereka itu.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang ada sebilangan kecil bot-bot nelayan mengambil kesempatan untuk menyeludup dadah ke negara ini. Pihak Polis Laut, Kastam dan juga Tentera Laut di Raja Malaysia sentiasa menjalankan rondaan-rondaan dan memeriksa bot-bot yang disyaki melakukan penyeludupan ini di perairan Malaysia.

(b) Sepanjang tahun 1976 ini seramai 18 orang pelancung luar negeri telah ditangkap kerana berbagai kesalahan berhubung dengan dadah. Mereka itu terdiri dari 3 orang Amerika, 6 orang Australia, 5 orang British, 1 orang Indonesia, 2 orang Thailand dan seorang dari Singapura. Selain dari itu 4 orang pelancung juga telah ditangkap di bawah Ordinan Dharurat dan ditahan di Pulau Jerajak. Mereka itu terdiri dari 2 orang bangsa Amerika dan seorang Belanda serta seorang Thai.

SEKOLAH-SEKOLAH TADIKA

7. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah tadika yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil (sekiranya ada) untuk menjadikan sekolah-sekolah tersebut sejajar dengan dasar pelajaran kebangsaan dan sistem pelajaran negara ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah-sekolah tadika yang telah didaftarkan di Semenanjung Malaysia sehingga 30-9-76 ialah 552.

Sekolah tadika, seperti yang diketahui tidak termasuk dalam sistem pelajaran kebangsaan kita yang mana bermula dari peringkat sekolah rendah. Oleh yang demikian Kementerian Pelajaran tidak mengambil apa-apa langkah untuk menjadikan sekolah-sekolah tersebut sejajar dengan dasar pelajaran Kebangsaan.

IKLAN DI AKHBAR-AKHBAR

8. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kerana apa baharu sekarang beliau melahirkan kesalahan di atas iklan-iklan yang menaikkan syahwat; sedangkan telah lama disunguti oleh segenap golongan rakyat dan mangsanya telah begitu banyak.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini sentiasa ada di dalam perhatian dan kawalan Kementerian ini. Tindakan-tindakan sewajarnya diambil oleh Kementerian terhadap iklan-iklan yang menjolok mata samada yang disiarkan di akhbar-akhbar atau yang dipamirkan di kedai-kedai.

PEGAWAI KANAN FILEM NEGARA MALAYSIA

9. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Penerangan menyatakan apakah hasil siasatan yang telah dijanjikan oleh pihak Kementerian dalam Persidangan yang lepas mengenai pemberhentian pegawai-pegawai kanan di Filem Negara.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat, menurut catitan Kementerian ini tiada pemberhentian pegawai-pegawai kanan Filem Negara Malaysia berlaku mahu pun dalam tahun 1975 atau pun tahun 1976 dan Kementerian ini tidak ada cadangan hendak memberhentikan pegawai-pegawai kanannya di Jabatan tersebut.

PENGARAH UMBC—PENYIASATAN

10. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada penyiataan ke atas kegiatan-kegiatan pengarah UMBC telah selesai. Kiranya sudah, adakah Kerajaan akan menghantar-kan kepada tiap-tiap Ahli Parlimen satu salinan kertas penyiataan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiataan mengenai kegiatan-kegiatan pengarah UMBC (United Malayan Banking Corporation) telah pun dijalankan dan sudah pun selesai. Oleh kerana perkara ini adalah tanggungjawab Kementerian Kewangan melalui Bank Negara Malaysia, maka Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan lapuran penyiataan tersebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

RUMAH-RUMAH URUT

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah rumah-rumah urut di seluruh negara;
- (b) bilangan rumah-rumah urut yang mempunyai lesen;
- (c) bilangan rumah-rumah urut yang tidak mempunyai lesen;
- (d) bilangan pekerja-pekerja yang terlibat dan bagaimana cara perkhidmatan yang diterima oleh pelanggannya; dan

(e) adakah disyaratkan pekerjaanya mempunyai kelulusan yang tertentu yang diperakukan kebolehannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah rumah-rumah urut di seluruh Negara berpandukan angka-angka yang telah diterima oleh Kementerian saya ialah 114 buah.
- (b) Bilangan rumah-rumah urut yang mempunyai lesen ialah 24 buah.
- (c) Bilangan rumah-rumah urut yang tidak mempunyai lesen ialah 90 buah.
- (d) Berkenaan dengan bilangan pekerja yang terlibat tidak diketahui. Kepada bagaimana cara perkhidmatan yang diterima adalah dua macam;
 - (i) ialah urut sedap sahaja,
 - (ii) urut pemulihan.
- (e) Bagi rumah-rumah urut di mana kerja mengurus pemulihan atau layanan pemulihan yang lain dijalankan, seseorang itu hendaklah mempunyai kelulusan teknik yang pada pendapat penguasa tempatan itu adalah menasabah atau sesuai.

Tetapi adalah tanggungjawab Kerajaan pun untuk menentukan tidak ada kejadian yang luar biasa daripada urut sahaja. Seperti Cunnilingus atau lesbianism dan lain-lain dan untuk tujuan ini Kerajaan telah mengadakan syarat-syarat seperti berikut:

- (i) pintu bilik itu tidak boleh dikunci,
- (ii) lampu bilik itu jangan gelap sangat,
- (iii) jika bilik itu tidak ada pintu bolehlah ditiraikan sahaja.

Dan syarat-syarat ini boleh memberi peluang apabila pihak berkuasa membuat serbuan mengejut supaya orang boleh nampak apa yang terjadi dalam bilik itu.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan dengan Massage Parlours yang berlesen, dan yang tidak berlesen itu, apakah perbezaannya dan adakah diwajibkan semua itu dilesenkan? Kalau diwajibkan, bagaimana pula ada sebanyak 90 rumah urut yang tidak ada lesen?

Dan kalau boleh, saya hendak tambah lagi satu soalan, atau kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua: Takut bercampur sangat, biar satu-satu dahulu.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kita mengadakan rumah-rumah urut yang tidak mempunyai lesen-lesen ialah oleh sebab tidak ada bukti yang jelas yang tempat itu adalah rumah-rumah urut dan pelanggan-pelanggan tidak mahu memberikan butir-butir yang jelas mengenai tempat-tempat tersebut. Ada pun banyak rumah-rumah urut yang tidak mempunyai lesen ini tidak terdapat papan tanda di tempat-tempat rumah urut itu dan apabila serbuan dilakukan ke tempat-tempat tersebut adalah tidak menjadi kesalahan di bawah Undang-undang bagi seorang perempuan dan lelaki beramai-ramai berada di dalam rumah berseendirian. Dan sebab yang ketiga ialah denda maksima yang dikenakan oleh Dewan Bandaraya setakat ini ialah \$250.00 sahaja tetapi adalah dicadangkan denda maksima akan dikenakan sebanyak \$2,000 apabila Akta Kerajaan Tempatan dikuat-kuasakan pada tahun hadapan.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya juga oleh sebab sebagaimana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi tidak dapat dipastikan jenis-jenis service yang terdapat, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu peraturan supaya tiap-tiap orang yang bekerja dalam rumah urut ini diwajibkan diperiksa oleh doktor secara lengkap sekurang-kurangnya sebulan sekali demi kesihatan sosial (social health).

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi sosial dan kesihatan, pemeriksaan tiap-tiap bulan atau tiap-tiap enam bulan boleh dijalankan, tetapi daripada taraf kerja urut itu, saya ingat perkara ini sukar sedikit oleh sebab pekerja urut itu macam orang yang bekerja di bengkel motokar, apabila telah bekerja lama sedikit lagi pandai dan tidak ada satu taraf yang tepat.

PERUNTUKAN WANG RANCANGAN PEMBANGUNAN

12. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapat peruntukan wang bagi Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia membiayai rancangan-rancangan pembangunan melalui berbagai sumber kewangan. Ini termasuk institusi pinjaman antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam. Malaysia juga mempunyai sumber pinjaman dua hala (bilateral sources of financing) iaitu pinjaman daripada beberapa buah negara tertentu. Selain daripada itu, terdapat juga lain-lain kredit untuk membiayai berbagai projek yang termasuk di bawah Rancangan ini.

Malaysia juga memperoleh sebahagian besar pinjaman-pinjaman melalui pinjaman dalam negeri. Peratus di antara pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negeri secara kasarnya adalah pada nisbah 60:40. Sehingga sekarang Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada sumber-sumber kewangan yang disebutkan di atas sahaja, tetapi sekiranya sumber-sumber ini tidak mencukupi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sumber-sumber kewangan yang baru akan dipertimbangkan dan selanjutnya Dewan ini diberitahu.

PERBELANJAAN BULANAN RASCOM

13. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak perbelanjaan bulanan untuk RASCOM di Sarawak dan untuk berapa lama gerakan itu berjalan lagi.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan bulanan RASCOM pada masa ini berjumlah sebanyak \$3.73 juta. Angka ini dikira hitung panjang berdasarkan kepada peruntukan RASCOM yang diluluskan bagi tahun kewangan 1976 untuk perbelanjaan perkhidmatan Awam, Polis dan Tentera.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, Kawasan Keselamatan REJANG ini ditubuhkan di bawah arahan Majlis Keselamatan Negara yang bertujuan utamanya untuk menghapuskan pengganas-pengganas komunis yang bergerak di kawasan ini.

Pada masa sekarang sebahagian besar daripada saki-baki pengganas komunis di Sarawak adalah terdapat di dalam kawasan RASCOM. Dibandingkan dengan saki-baki pengganas

kominis di lain-lain kawasan di Sarawak, saki-baki ini adalah yang paling aktif. Walaupun diketahui adalah menjadi dasar pengganas kominis untuk mengelakkan diri daripada bertembung dengan pasukan keselamatan tetapi dalam masa yang sama mereka berusaha menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kempen mengutip derma, kempen mencari anggota-anggota baharu, mengumpulkan dan menyediakan lubang sorok makanan dan menjalankan aktiviti-aktiviti subversif bagi rancangan jangka panjang mereka. Dengan keadaan yang demikian selama mana kegiatan kominis masih ada di kawasan ini selama itulah suatu organisasi yang serupa ini diperlukan. Sejak ia ditubuhkan keadaan keselamatan di kawasan ini ternyata telah bertambah baik.

KEMATIAN AKIBAT PANAHAN PETIR

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kejadian kematian yang disebabkan oleh panahan petir telah berlaku di negara ini dalam tahun 1974, 1975 dan 1976; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang boleh dijalankan bagi mengatasi kejadian itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut rekod Polis, bilangan kematian akibat panahan petir bagi tahun 1974, 1975 dan 1976 (hingga Oktober) adalah seperti berikut:

1974	1975	Jan.-Okt. 1976
32	53	42

- (b) Buat masa ini hanya langkah-langkah untuk mengelakkan bangunan-bangunan tinggi dan sebagainya dari panahan petir, dapat diambil iaitu dengan memasang alat-alat "lightning arrester", manakala tiada langkah-langkah tertentu yang dapat diambil untuk mengelakkan manusia dari panahan petir.

PENYELUDUPAN MASUK KAIN/ PAKAIAN

15. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan telah

dilakukan bagi mengelakkan sebarang kemasukan kain-kain atau pakaian secara haram ke Negara ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah berkesan yang telah diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk mencegah penyeludupan kain-kain dan pakaian ialah dengan cara menguatkan lagi rondaan di laut dan di darat di kawasan sempadan dan pegawai-pegawai pencegah di sempadan juga ditambah. Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah dibekal dengan alat-alat moden termasuk sebuah helicopter, motokar-motokar perondaan yang laju, bot-bot perondaan laju untuk mencegah penyeludupan barang-barang termasuk kain-kain dan pakaian-pakaian Hadaiah-hadaiah istimewa juga dibayar kepada informer-informer yang menjayakan tangkapan dan rampasan.

KAKITANGAN BIRO SIASATAN NEGARA

16. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan memandangkan kejadian rasuah yang bertambah dalam negara ini adakah Kerajaan akan menimbangkan bagi menambahkan kakitangan Biro Siasatan Negara kepada tiga bahagian.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tindakan telahpun diambil bagi menambahkan bilangan kakitangan perkhidmatan Biro Siasatan Negara dalam ketiga-tiga kategori perkhidmatan iaitu jawatan Pegawai Siasatan, Penolong Pegawai Siasatan dan Pembantu Siasatan. Pegawai-pegawai ini akan dilantik dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lukman bin Abdul Kadir.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan sedikit kesilapan taip iaitu Jerangau, Trengganu ke Jabor—bukan ke Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana tersilap taip?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Jabor bukan Johor, baris yang akhir sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Projek Jalan Jabor, bukan Jerangau?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Bukan Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Ke Jabor—bukan Johor. Terima kasih.

PROJEK JERANGAU TRENGGANU KE JABOR

17. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sejauhmanakah kemajuan yang telah dicapai dalam melaksanakan Projek Jalan Jerangau Trengganu ke Jabor.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu, saya sukacita memaklumkan bahawa pemberian kontrek ataupun notice of award telah dikeluarkan pada pemborong pemborong yang berjaya pada 15hb September 1976. Pembinaan projek ini dijangka bermula pada awal tahun 1977 dan pada masa sekarang pemborong-pemborong yang berkenaan telah memulakan pergerakan tenaga kerja dan jentera-jentera untuk pembinaan projek tersebut.

BAHASA CHINA DAN IBAN DI T.V. SARAWAK

18. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah rancangan-rancangan dalam Bahasa China dan Iban akan diadakan dalam rancangan T.V. Malaysia Sarawak.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang sama telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan semasa persidangan Dewan Rakyat pada 13hb April, 1976 yang lalu.

SETIAUSAHA POLITIK KEPADA MENTERI KESIHATAN

19. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor bagi kawasan Ampang merangkap Setiausaha Politik kepada Menteri Kesihatan menggunakan ke-

dudukannya untuk memungut derma untuk keluarga mangsa-mangsa kemalangan dengan tidak mengumumkan kira-kiranya, jika sedar:

- (a) samada Kementerian beliau akan menyiasat perkara ini; dan
- (b) sekiranya beliau telah melanggar undang-undang samada beliau akan dihadapkan ke Mahkamah.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Setiausaha Politik kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu adalah di dalam pengetahuan Biro Siasatan Negara (BSN). Pengumuman tidak dapat dibuat pada masa ini kerana perkara tersebut masih lagi dalam penyiasatan.

PONTENG SEKOLAH

20. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa lebih daripada 9,000 orang pelajar-pelajar di Kelantan tiap-tiap hari ponteng sekolah lantaran jemu mempelajari pelajaran yang tidak diminati olehnya dan kerana guru kurang pengalaman. Jika benar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan yang akan diambil bagi mengatasinya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran soalan kepada Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun memberi penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu semasa menjawab soalan yang hampir-hampir sama yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Silam, Matang, Bachok dan Sungei Besi pada 27hb Oktober, 15hb November dan 22hb November, 1976. Oleh itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada penerangan-penerangan yang telah beliau buat itu.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan

bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Perhubungan diluluskan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Perhubungan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (7hb Disember, 1976)

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala B. 53 dan B. 54 serta P. 53 dan P. 54 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini adalah terbuka untuk perbahasan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan peruntukan untuk Kementerian beliau.

Kepala B. 53 dan B. 54 (Jadual)

Kepala P. 53 dan P. 54 (Anggaran Pembangunan 1977)—

3.02 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Ajensi-ajensi

serta Jabatan yang termasuk di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 53, Kepala P. 53, Kepala B. 54 dan Kepala P. 54.

Anggaran di bawah Kepala B. 53 berjumlah \$8,780,000 ialah untuk perbelanjaan mengurus dan jumlah ini dibahagikan kepada Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail atau PUSPATI sebanyak \$429,200; Alam Sekitar sebanyak \$769,800; Mergastua sebanyak \$2,360,900; dan Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau SIRIM sebanyak \$4,020,100 dan bakinya sebanyak \$1,200,000 kepada Pentadbiran Am Kementerian saya sendiri.

Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 53 sebanyak \$7,012,770 akan dibahagikan seperti berikut:

- (a) \$2,880,000 ialah untuk PUSPATI. Daripada jumlah ini \$350,000 akan dibelanjakan untuk kerja-kerja menyediakan tapak; \$839,700 bagi pembinaan bangunan dan \$1,690,300 bagi pembelian Sistem Reaktor Nuklear,
- (b) \$10 sebagai Vote "Token" diadakan untuk Kawalan Alam Sekitar.
- (c) \$1,073,600 ialah untuk Kemajuan Taman Negara. Daripada jumlah ini \$160,000 ialah untuk Tambahan Kemudahan Pelancungan; \$600,000 ialah untuk Sekolah Latihan Janda Baik dan baki \$313,600 ialah untuk Perlindungan Hidupan Liar.
- (d) \$2,100,000 ialah untuk Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Daripada Jumlah ini \$1,000,000 ialah bagi pembinaan 2 buah bangunan tambahan untuk makmal dan bengkel-bengkel kejuruteraan dan \$1,100,000 adalah untuk keperluan alat-alat kelengkapan saintifik dan teknikal.
- (e) \$959,160 untuk Zoo Negara bagi Perlindungan dan Penyelidikan, bertolak tasek, dan pemindahan rumah-rumah kakitangan kepada tempat lain.

Jabatan Kimia sebaliknya mempunyai peruntukan yang berasingan, di bawah Kepala B. 54 berjumlah \$3,635,500 untuk Perbelanjaan Mengurus dan di bawah Kepala P. 54 sebanyak \$728,400 untuk perbelanjaan Pembangunan. Daripada jumlah \$728,400 untuk Pembangunan di bawah P. 54 \$30,400 ialah bagi pembayaran akhir untuk membeli alat-alat dan kelengkapan bagi makmal di Kota Kinabalu; \$323,000 bagi pembinaan makmal tambahan di Pulau Pinang dan pembelian

kelengkapan; \$75,000 bagi tambahan kelengkapan di makmal Mikrokajihayat di Ipoh dan baki \$300,000 ialah bagi pembinaan makmal tambahan di Petaling Jaya.

Oleh kerana segala keterangan yang perlu adalah terkandung dalam dokumen-dokumen berkenaan yang telah dikemukakan, maka saya rasa tidaklah payah bagi saya memberi penjelasan yang lanjut lagi dan dengan ini saya berharap kelulusan akan diberi kepada Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian dan Ajensi-ajensi serta Jabatan di bawah tanggungjawab saya seperti yang berikut di bawah:

- (a) sebanyak \$8,780,000 di bawah B. 53
- (b) sebanyak \$7,012,770 di bawah P. 53
- (c) sebanyak \$3,635,500 di bawah B. 54
- (d) sebanyak \$728,400 di bawah P. 54

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran-anggaran ini diluluskan, dan menjadi sebahagian di dalam jadual Rang Undang-undang Belanjawan 1977 dan di dalam usul Pembangunan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

3.10 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Kepala B. 53, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail.

Tuan Pengerusi, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleholehnya berikhtiar supaya memikirkan satu-satu bahan atom yang menjadi kebaikan kepada negara kita, iaitu punca-punca alam yang mengeluarkan tenaga letrik. Saya berharap juga dalam Alam Sekitar yang mana kita dapati hari ini boleh dikatakan pemancar-pemancar kilang ataupun habuk-habuk yang dikeluarkan oleh kilang amatlah merbahaya kepada setengah daripada penduduk-penduduk. Dengan sebab itu, saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan mencari satu ikhtiar berunding dengan kilang-kilang yang berkenaan seboleholehnya biarlah saluran yang telah ada seperti sungai dan sebagainya. Pada hari ini saya amat dukacita kadang-kadang sebuah kilang yang kita buat yang mana dahulu sungai itu dapat digunakan oleh banyak penduduk untuk membuat bendang dan sebagainya, kadang-kadang menggunakan air, khususnya di masa musim kemarau, tetapi dengan adanya penubuhan kilang-kilang

banyak sungai-sungai yang telah dijadikan oleh Tuhan beratus tahun dahulu tidak dapat digunakan langsung. Kadang-kadang bukan sahaja ikan yang dahulu diambil daripada sungai yang berkenaan, kadang-kadang kerbau pun tidak dapat mandi apatah lagi manusia tidak dapat menggunakan airnya langsung. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan biarlah saluran-saluran tertentu daripada bahan-bahan yang terbit daripada kilang tadi, dibuat oleh kilang-kilang yang berkenaan janganlah menggunakan saluran-saluran yang telah ada daripada masa dahulu sebagaimana yang saya sebutkan tadi sungai yang telah sedia ada.

Saya berharap juga, dalam alam sekitar ini juga pemeliharaan binatang-binatang patutlah dikaji, kadang-kadang najis setengah-setengah binatang itu berbau terlampau busuk. Jadi kalaulah hendak pelihara binatang-binatang seperti ayam biarlah pelihara di tempat yang jauh sedikit daripada tempat lalu-lalang. Ini saya tidak menyetujui perkauman, Tuan Pengerusi, kerana tiap-tiap binatang dimakan oleh kaum masing-masing tetapi saya maksudkan janganlah dibela berhampiran dengan jalanraya yang mengakibatkan kalau kita lalu baunya amatlah busuk. Kalau hendak bela juga biarlah jauh daripada jalanraya seperti babi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berharap juga seboleholehnya Kerajaan mengadakan satu undang-undang khas. Saya dapat tahu undang-undang itu ada tinggal lagi tidak begitu tepat, tidak dijalankan dengan tegas. Jadi, kalaulah satu-satu benda yang menjadi kecemaran kepada alam baik pun daripada kilang-kilang, habuk, air dan sebagainya, begitu juga bau-bauan yang terbit daripada ternakan-ternakan ini patutlah Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk keselamatan umum, apatah lagi di masa kita lalu lalang begitu busuk baunya. Selain daripada kita bau busuk, saya ingat keselamatan jalanraya pun tidak begitu baik kerana kita memikirkan bau tadi perjalanan pun tidak begitu baik dan banyaklah perkara-perkara yang membawa bahaya selain daripada kesihatan. Maka dengan sebab itu, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya.

Selain daripada itu, saya berharap Kementerian ini juga mengkaji bahan-bahan tumbuhan yang menjadi kebaikan ataupun

menjadi mata pencarian kepada umum apa-apa bahan yang ada dalam negara kita ini sebagai sains dan teknologi.

3.25 *ptg.*

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permohonan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya menyentuh Kepala B. 53, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) dan (4). Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah mencadangkan penambahan bilangan kakitangan dan pegawai kepada Bahagian Mergastua. Tetapi kepada Alam Sekitarnya tambahannya terlalu sedikit, cuma 5 orang sahaja pada tahun 1977, pada hal yang menjadi kecemaran udara di sekeliling kita memerlukan pegawai yang begitu banyak supaya dapat dikawal dan dapat mengurangkan kesesakan penafasan kepada manusia yang ada di negara ini. Saya harap patutlah pegawai-pegawai ini bukan ditambah 5 orang sahaja patutlah ditambah lebih lagi daripada yang ada sekarang.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Bahagian Mergastua ini, pegawai dan kakitangannya bertambah lebih ramai kerana memikirkan barangkali oleh kerana banyak kawasan-kawasan yang sedang dibuka dan banyak binatang-binatang buas yang ada merosakkan tanaman-tanaman, jadi pegawai-pegawai ini sudah sewajarnya diberi pujian kerana mereka itu bertugas dengan tidak mengira masa ataupun waktu walaupun keadaan-keadaan mereka ini agak terancam.

Tuan Pengerusi, saya inginlah menyentuh sedikit keadaan pakaian pegawai-pegawai yang ada seperti Pegawai Perlindungan Mergastua ini kerana pakaian mereka masih lagi berbentuk pakaian ala penjajah, langsung tidak ada perubahan. Maka sudah sewajarnya pakaian itu disesuaikan dengan keadaan alam dan kebudayaan negara kita ini.

Selain daripada itu, mereka ini bertugas dengan tidak mengira masa walau di mana juga diberi tahu akan keadaan-keadaan ataupun kehidupan liar yang menganas atau merosakkan tanaman-tanaman dan kemungkinan juga mereka ini agak ragu-ragu pergi oleh kerana sesuatu jaminan yang tidak dibuat oleh pihak Kementerian ini. Saya suka mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kakitangan yang bertugas sebagai Perlindungan Mergastua ini mestilah diinsurankan ataupun diadakan caruman khas membolehkan mereka itu kiranya mereka dapat

kemalangan dan sebagainya adalah jaminan untuk keluarga mereka yang tinggal. Saya rasa tentulah pihak Kementerian ini dapat memikirkan keadaan ini di samping membolehkan mereka itu lebih selamat semasa mereka bertugas.

3.29 *ptg.*

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim

(Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang telah berkhidmat setakat ini dan di samping itu suka saya membuat satu dua syor untuk pertimbangan oleh pihak yang berkenaan. Terutama sekali, saya ingat sepatutnya kita tidak perlu terlalu kedekut ataupun jangan segan membelanja atas penyelidikan yang akan menghasilkan hasil-hasil yang akan menguntungkan negara.

Dari segi ini, saya suka mengesyorkan supaya kita tumpukan usaha-usaha penyelidikan yang dapat menggunakan bahan-bahan yang banyak terdapat dalam negeri sekarang akan tetapi terbiar ataupun dibuang ataupun dibazirkan sahaja dengan tidak menghasilkan nilai ekonomi (economic value). Kita menanam banyak kelapa sawit, selepas merah untuk mendapatkan minyak itu segala saki-bakinya itu saya percaya ada banyak zat dan kegunaannya lagi dan macam-macam yang dapat dijalankan. Tentu sekali akan menelan belanja yang banyak untuk menyiasat perkara ini. Kita memerlukan pakar-pakar dan ahli sains, chemist dan lain-lainnya yang cukup kepandaian dan pengalaman. Saya harap Kerajaan kita tidak akan segan-segan mencari, kalau tidak dapat dalam negeri kita ini pakar-pakar dan orang-orang pandai di mana-mana sahaja untuk menolong kita mencari jalan menghasilkan beberapa benda yang dapat dibuat dan dapat dihasilkan daripada bahan seperti saki-baki daripada perusahaan kelapa sawit. Begitu juga di lapangan pertanian seperti padi, beras, soal sekam satu masaalah yang bukan sahaja mencemarkan alam (environmental problem) sebab ini mesti dibakar, mesti dibuang, mesti dibuat sesuatu, akan tetapi barangkali kita dapat menggunakan kalau kita dapat menyelidik sehingga benda yang menjadi masaalah dapat dijadikan benda yang berguna. Begitu juga seperti jerami yang terdapat begitu banyak dalam negeri kita ini yang terbiar dan terbuang sahaja.

Saya tidak berapa faham perkara ini tetapi di Eropah, di Amerika dan sebagainya segala batang tanaman seperti gandum dikeringkan dijadikan makanan, dijadikan makanan binatang (hay). Barangkali di bendang-bendang kita juga terdapat kerbau-kerbau yang pada masa dahulu dapat hidup juga dengan rancangan lain, hidup makan jerami ini tentu ada juga sedikit-sebanyak zat (food value) kepada makanan binatang. Selain daripada itu, dijadikan kertas ataupun menjadi bahan-bahan binaan dan bermacam-macam lagi yang barangkali dapat digunakan ataupun seperti di kebun-kebun nenas kita di mana terdapat banyak juga pokok-pokok nenas, daun-daun nenas itu dibuang sahaja ataupun menjadi satu masaalah juga iaitu hendak bakar atau hendak hilangkan kerana ia menyemakkan tempat. Seperti di Filipina ada juga sejenis pakaian baju "Barong" itu dibuat kononnya daripada sutera ataupun pineapple silk, dibuat daripada daun nenas. Samada ini masih ada economic value ataupun ada kegunaannya patut kita menyiasat, menyelidiki seperti daun nenas itu juga boleh menjadi satu bahan yang berguna tetapi kita di sini terus masukkan dengan batang pisang ataupun lain-lain lagi yang pada hari ini dibiarkan atau dibuang. Sekam itupun saya tidak tahu. Kata orang pada hari ini boleh dipakai tetapi belum economic, belum commercial. Tentu akan tiba dengan penyelidikan lebih dalam kita boleh menembus barrier cost, barrier ongkos dan barrier secara pertimbangan samada benda ini apabila diproseskan menjadi bahan yang cukup nilai yang sepadan atau seimbang dengan segala perbelanjaan. Ini satu soal yang patut ditimbang akan tetapi saya optimis. Saya rasa dengan dunia kita bilangan manusia bertambah dengan sempitnya dunia kerana tidak dapat kita menambah tanah, kita perlu dan patut terus dengan tidak segan, tidak malas, tidak berhenti menyiasat dan mencari jalan untuk menggunakan apa yang sudah dipergunakan untuk mencyclekan (cycle) untuk menggunakan balik, terus melipatgandakan cara-cara penggunaan segala bahan yang ada di dalam negeri ini. Begitu juga saya rasa dalam negeri ini dengan suburnya iklim kita yang baik, tanah kita yang subur dan dengan kebolehan, kepandaian dan kerajinan orang-orang kita kalau ada penyelidikan dan pimpinan yang sewajarnya mungkin dapat kita membuka satu usaha baru berkait dengan tumbuh-tumbuhan jenis perubatan (medicinal herbs, medicinal grass) ataupun segala tumbuh-tumbuhan yang mengandungi

kandungan-kandungan perubatan. Ini juga satu perkara yang saya rasa setakat ini belum lagi kita berusaha ataupun mengambil perhatian. Ini juga saya harap bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mungkin barangkali dapat kita beri satu keutamaan yang prioritynya lebih tinggi daripada yang terdapat pada hari ini.

Berkait dengan campuran kimia pula, saya suka kalau boleh dengan jasa baik Kementerian dan Jabatan berkenaan supaya lebih giat bekerjasama dengan pihak Kerajaan yang lain yang terlibat dalam melindungi kepentingan pengguna dan juga kepada badan-badan pengguna yang sukarela supaya memberi sedapat-dapatnya kerjasama dan pertolongan untuk menyanggup, mengunder-take (undertake) kerja-kerja test atau menguji, memeriksa dan mengawal segala jenis bahan benda makanan, minuman dan sebagainya yang dipasarkan, dijual dan yang diadakan dalam negeri ini untuk menjamin bahawa kepentingan pengguna sentiasa dapat dilindungi, mengelakkan segala perbuatan yang tidak baik yang merupakan penipuan, tiruan dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya ingat akan dihargai oleh semua pihak penduduk dalam negeri ini, kalau dapat diberi bantuan secara aktif sedapat yang boleh.

Akhir sekali, berkait dengan soal mengawal sekitar alam (environment). Saya rasa kita sudah mengambil langkah yang sangat baik sungguhpun belum lagi kita menghadapi satu keadaan sebagaimana sudah dialami oleh orang seperti negeri Jepun dan lain-lainnya, tetapi biar kita mula bergerak, mengorak langkah dan berusaha sebelum tiba masaalah begitu tenat dan susah. Tetapi saya rasa bagaimana kita usaha sekalipun, bagaimana berapa banyak Kerajaan ataupun Jabatan Kerajaan membelanjakan wang dan berusaha sekalipun, soal ini tidak dapat dijalankan dengan sempurnanya tanpa kerjasama daripada orang ramai. Pendeknya, sangatlah mustahak untuk menjayakan rancangan di lapangan alam sekitar ini. Kita adakan pendidikan (education) secara luas yang disalurkan menerusi sekolah, menerusi institusi pelajaran tinggi, menerusi pertubuhan dan gerakan awam, menerusi suratkhabar, mass-media, radio, TV dan sebagainya supaya setiap-tiap umat negeri kita sedar, insaf, kenal dan tahu berkenaan dengan perkara-perkara yang berkait dengan alam sekitar ini sebab ini satu perkara pada kita barangkali baru.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Dan sesuai dengan itu sangat elok digalakkan (encourage), diberi sokongan dan bantuan kepada pihak-pihak yang mahu bergerak secara sukarela mengadakan pertubuhan-pertubuhan rakyat, orang ramai dari berbagai-bagai segi yang berkait dengan soal alam sekitar ini sebab hanya dengan mengadakan pendidikan (education) berkait dengan perkara ini dan diikuti pula dengan aktiviti-aktiviti kecergasan dilapangan ini yang timbul dengan perasaan kemahuan diri masing-masing dengan cara sukarela, dengan menyatu dan mencantumkan tenaga sukarela ini di lapangan rakyat yang terbantu, di sokong oleh pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan, barulah dapat barangkali kita mempersiapkan dan melengkapkan negara kita ini untuk menghadapi soal pencemaran alam sekitar ini, sebab lambat-laun dengan kemajuan yang tercapai dalam negeri ini, dengan perindustrian yang terus maju, dengan adanya pula minyak dan lain-lainnya dalam negeri kita, tidak dapat tidak kita tidak lama lagi akan menghadapi soal alam sekitar ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, lepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.32 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun berucap dengan ringkasnya atas Anggaran Belanja yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan di samping itu saya menyentuh Aktiviti (3)—Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, satu jaminan telah diberi oleh Kerajaan bahawa pembaikan dan perlindungan alam sekitar akan mendapat perhatian sepenuhnya dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan untuk mencukupi tujuan-tujuan pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar dijaga dengan seimbang supaya faedah-faedah kemajuan tidak dapat dinafikan atau dirugikan oleh belanjawan pencemaran dan kerosakan alam sekitar.

Dengan ini sebagai latar belakang, maka adalah perlu bagi Kementerian ini, khususnya Bahagian Alam Sekitar, untuk mengambil langkah-langkah yang positif dan mengguna-

kan semua sumber-sumber yang terdapat oleh mereka untuk mengatasi beberapa jenis pencemaran yang mengancam alam sekitar kita.

Di samping kita bersetuju bahawa pengurusan alam sekitar dan kegiatan-kegiatan mencegah pencemaran adalah "phenomena" yang baru di negara kita, kami rasa lebih banyak lagi dapat dibuat, dan semangat menyegerakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Dalam hubungan ini, kami berpendapat bahawa tugas utama Bahagian Alam Sekitar ini ialah untuk menentukan supaya ada kakitangan yang cukup untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974.

Satu aspek yang serious mengenai pencemaran alam sekitar yang kita alami hari ini ialah pencemaran sungai-sungai yang telah membuktikan mengancam kehidupan di air dan memberi kesan yang teruk kepada orang-orang yang bergantung kepada sungai untuk mencari nafkah.

Tuan Pengerusi, di antara sumber-sumber utama pencemaran alam sekitar ialah kilang-kilang perusahaan yang berasaskan bahan pertanian seperti ladang kelapa sawit, kilang membuat dan mengetin makanan yang membuang hampas-hampas dan kotoran-kotoran ke dalam sungai langsung menyebabkan pencemaran air sungai dan membunuh kehidupan di air.

Satu lagi aspek pencemaran yang terdapat di kawasan bandar ialah disebabkan oleh asap yang dikeluarkan daripada exhaust-exhaust bus yang buruk dan kenderaan-kenderaan yang berat yang mencemarkan udara dan mengancam kesihatan orang ramai.

Dan juga terdapat masalah beberapa kilang perusahaan dan kilang-kilang, contohnya kilang papan di dalam bandaraya yang mencemarkan udara, terutamanya kilang-kilang yang terletak di sebelah estet-estet perumahan.

Memandangkan kepada ini, saya ingin mengesyorkan bahawa, selain daripada menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar, Kerajaan harus mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk mewajibkan semua kilang-kilang perusahaan, termasuk ladang ladang kelapa sawit dan kenderaan-kenderaan yang berat untuk menggunakan alat-alat

mencegah pencemaran (pollution abatement devices) atau mengambil langkah-langkah lain untuk mencegah pencemaran itu.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa di dalam usaha melindungi alam sekitar, setiap orang boleh memainkan satu peranan yang penting dan Kerajaan patut menjaga penguatkuasaan undang-undang dan pihak swasta mesti memberi kerjasama yang sepenuhnya supaya kita bersama-sama dapat membentuk satu alam sekitar yang lebih baik dan sihat untuk semua penduduk.

3.37 ptg

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Hilir Perak, Kepala Batas dan Kuala Lumpur Bandar yang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai perbelanjaan untuk Kementerian saya dan saya ucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya bersetuju kepada pendapat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan juga dari Kuala Lumpur bandar iaitu punca mengatasi pencemaran alam sekitar kita mesti dapat sokongan dan kerjasama seluruh rakyat jelata. Jika tidak demikian undang-undang yang dibuat tidak dapat mengawasi pencemaran alam sekitar dengan berkesan.

Untuk menjawab pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai dengan tujuan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI), saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tujuan mengusahakan PUSPATI ini ialah untuk membuat penyelidikan dengan menggunakan teknik nuclear dalam perubatan, pertanian dan industri serta mengeluarkan beberapa jenis radio-isotope untuk pendidikan itu dan juga sekarang diimport dari negeri lain untuk digunakan dalam hospital-hospital, dalam makmal-makmal untuk kajian dan penyelidikan dan tujuan PUSPATI bukan untuk mengeluarkan tenaga elektrik seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sungguhpun begitu satu lagi kegunaan PUSPATI ialah untuk melatih nuclear scientist supaya pada satu masa nanti apabila kita perlu gunakan tenaga nuclear untuk elektrik kita ada scientist

yang handal dan boleh bertanggungjawab menjalankan pusat-pusat lain untuk mengeluarkan tenaga elektrik.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Perak ada menarik perhatian berkenaan Pejabat Mergastua

Tuan Pengerusi: Dari Hilir Perak.

Tan Sri Ong Kee Hui: Dari Hilir Perak, maaf, ada menarik perhatian mengenai Pejabat Mergastua. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan beliau. Mengenai pakaian seragam, sebenarnya renjer-renjer Mergastua dan Penolong Pelindung Mergastua ada dibekalkan dengan pakaian seragam. Untuk pegawai yang lebih tinggi pakaian seragam tidak dibekalkan dan syor ini adalah baik dan boleh dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

Satu lagi syor Yang Berhormat mengenai carum ataupun tabung wang untuk digunakan bagi membayar kepada perbelanjaan kemalangan dan sebagainya yang ditempuh oleh kakitangan Jabatan Mergastua semasa menjalankan tugas-tugas mereka, cadangan ini adalah baik juga dan ditimbang oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas ada mengesyorkan supaya kita pakai kebanyakan bahan-bahan yang sekarang tidak digunakan, maka cadangan beliau ini akan diambil perhatian. Sebenarnya, pada masa ini juga MARDI telah juga kaji beberapa jenis barang-barang yang boleh digunakan seperti hampas padi, itupun dijadikan satu jenis simen yang bagus sekali. Ini telahpun dikaji oleh SIRIM dan nenas itupun bahan yang boleh diguna untuk bahan makanan binatang-binatang. Jadi itupun dalam kajian oleh MARDI dan oleh SIRIM.

Tentang padi satu bahan yang mencemarkan, ini telah diambil perhatian oleh SIRIM dan dayausaha dijual untuk membuat percubaan untuk membuat papan panel dari kulit padi dengan menggunakan campuran tempatan telah dibuat dan didapati papan-papan panel itu adalah tahan kena api dan tidak dimakan anai-anai, tetapi tidak tahu boleh tahan kena air atau tidak. Ini belum dicuba lagi. Oleh itu, papan ini boleh digunakan sebelah dalam sahaja dan tidak dapat diguna di luar.

Tuan Pengerusi: Dalam bagaimana itu, dalam rumah?

Tan Sri Ong Kee Hui: Dalam bangunan. SIRIM juga memproses jenis hampas nenas, papan lembut dari hampas kelapa sawit dan habuk kayu dan sekarang ini diperingkat khidmat perunding.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar ada menarik perhatian Kementerian saya kepada pencemaran alam sekitar dan masalah-masalah yang dihadapi sekarang kerana kilang-kilang yang mencemarkan air sungai dan juga asap-asap yang mencemarkan udara dan mengesyorkan supaya satu Rang Undang-undang yang lebih ketat lagi dikemukakan di Parlimen ini. Jadi, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu Environmental Quality Act itu telah dibekalkan dengan cukup kuasa kepada Menteri untuk membentangkan Undang-undang Kecil di bawah Akta itu supaya pencemaran kita dapat kawalan lebih ketat lagi, baik kepada air, baik kepada udara. Ini sekarang telah dibuat dan tidak lama lagi saya harap kita dapat menguatkuasakan Undang-undang Kecil itu dan bila ini sudah digezettekan kita akan dapat mengatasi masalah pencemaran sungai dan juga pencemaran udara. Masalah-masalah ini harus diatasi dengan kuatkuasa peraturan-peraturan yang telah disediakan pada tahun yang ke hadapan. Pada pelaksanaan peraturan-peraturan mengawal pencemaran air dijangka lebih kurang 70% daripada beban pencemaran atau pollution load in water akan dihapuskan pada penghujung tahun pertama dan keadaan akan meningkat pulih.

Begitu juga pencemaran udara dengan kuatkuasa Peraturan Kawalan Pencemaran Udara, mutu udara atau air quality akan pulih.

Jadi, sekian sahaja saya hendak sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan begitu minat dalam aktiviti-aktiviti Kementerian saya dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian saya, hujjah-hujjah dan ulasan-ulasan yang membina itu adalah sangat dihargai. Semua agensi-agensi di bawah Kementerian Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar telahpun siap sudah untuk menjalankan projek dengan giat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Semua agensi

itu akan menjalankan aktiviti-aktiviti masing-masing dengan pesat dan juga meninggikan mutu perkhidmatan kepada negara dan rakyat jelata.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,780,000 untuk Kepala B. 53 dan \$3,635,500 untuk Kepala B. 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$7,012,770 untuk Kepala P. 53 dan \$728,400 untuk Kepala P. 54 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sekarang Jawatankuasa akan menimbang Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perhubungan, tetapi sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa tadi ada satu usul telah disetujui bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan Kementerian Perhubungan. Walau bagaimanapun, kiranya Anggaran di bawah Kementerian Perhubungan ini diluluskan sebelum pukul 6.30 petang, maka saya akan minta Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan.

Kepala B. 55, B. 56, B. 57, B. 58, B. 59, B. 60, B. 61 dan B. 62 (Jadual)—

Kepala P. 55, P. 56, P. 57, P. 58, P. 59, P. 60, P. 61 dan P. 62 (Anggaran Pembangunan 1977)—

2.50 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya mohon membentangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, di bawah Kepala-kepala B. 55 hingga B. 62 seperti berikut:

B. 55 Kementerian Perhubungan	...	...	\$ 1,179,900
B. 56 Penerbangan Awam			10
B. 57 Penerbangan Awam, Sarawak dan Sabah	...		7,251,800
B. 58 Perkhidmatan Kaji-cuaca	...	...	6,457,500

B. 59 Jabatan Laut ...	\$ 4,554,800
B. 60 Jabatan Laut, Sarawak dan Sabah ...	7,215,400
B. 61 Perkhidmatan Pos ...	63,001,100
B. 62 Jabatan Talikom ...	10
Jumlah Semua ...	\$89,660,520

dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawahnya, di bawah Kepala-kepala P. 55 hingga P. 62 iaitu:

P. 55 Kementerian Perhubungan ...	\$191,632,130
P. 56 Penerbangan Awam ...	35,025,910
P. 57 Penerbangan Awam, Sarawak dan Sabah ...	27,597,030
P. 58 Perkhidmatan Kaji-cuaca ...	3,023,000
P. 59 Jabatan Laut ...	2,262,620
P. 60 Jabatan Laut, Sarawak dan Sabah ...	3,627,020
P. 61 Perkhidmatan Pos ...	6,524,000
P. 62 Jabatan Talikom ...	389,294,000
Semuanya berjumlah ...	\$638,985,710

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1977 yang berjumlah \$89,660,520 telah bertambah sebanyak 9.65% (atau dengan lebih tepat \$7,890,800) daripada peruntukan tahun 1976 yang berjumlah \$81,769,820. Tambahan ini hanyalah untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan mengurus biasa seperti kenaikan gaji dan tambahan kakitangan. Sementara Anggaran Pembangunan pula bertambah sebanyak 144.27% (atau dengan lebih tepat \$389,203,453) daripada peruntukan tahun 1976 yang berjumlah \$269,782,257. Tambahan yang banyak ini adalah berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Ketiga yang telahpun dimulakan dalam tahun 1976 dan akan dilaksanakan dengan lebih pesat lagi dalam tahun 1977.

Tuan Pengerusi, dengan beberapa buah Jabatan-jabatan Kerajaan serta badan-badan berkanun di bawahnya, Kementerian ini mikul satu tanggungjawab yang besar dan

berat terutama sekali di dalam menentukan dasar-dasar dan menyelaras segala aspek pentadbiran, penyelidikan dan perancangan jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun yang berkenaan bagi mencapai matlamat-matlamat dan pelaksanaan yang telah ditetapkan untuk Kementerian ini.

Adalah menjadi dasar dan tujuan Kementerian saya, pada tahun hadapan ini, untuk lebih memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi di dalam beberapa bidang perhubungan dan pengangkutan. Di dalam lapangan perhubungan dan pengangkutan di mana perkembangannya begitu pesat sekali, adalah penting bagi kita untuk mengkaji dan meneliti dan di mana perlu akan pula berusaha menggunakan alat-alat dan teknik-teknik yang moden sesuai dengan perkembangan teknologi pada masa ini supaya kita tidak ketinggalan di dalam lapangan ini dan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih sempurna dan cekap kepada pengguna-pengguna. Di samping itu Kementerian saya juga berhasrat untuk mempergunakan dengan sepenuhnya kelengkapan dan kakitangan yang sedia ada. Dari segi ini penumpuan akan diberikan di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan latihan kepada semua kakitangan untuk melengkapkan diri mereka dengan teknik-teknik moden dan terbaharu supaya membolehkan mereka memperbaiki lagi prestasi di dalam pekerjaan, tetapi, ini tidak pula bermakna yang Kementerian ini akan melupakan tata-tertib dan sopan-santun kakitangan-kakitangan. Perhatian juga akan diberikan mengenai tingkah-laku budi bahasa yang baik yang sesuai dengan keperibadian kita di kalangan kakitangan-kakitangan, terutamanya mereka yang mempunyai perhubungan secara langsung dengan orang ramai.

SIFAT-SIFAT PENTING TAHUN 1977

JABATAN TALIKOM

Jabatan ini terus berusaha memberi perkhidmatan yang baik dan cekap. Dari pinjaman berjumlah \$389,294,000 yang dipohonkan oleh Jabatan ini sebanyak \$146,155,000 akan dibelanjakan bagi menyediakan ibusawat-ibusawat talipon otomatik

yang baru, penambahan alat-alat, dan penambahan sistem sambungjauh pelanggan-pelanggan yang kesemuanya bertujuan untuk menyediakan sebanyak 146,000 talian-talian baru dalam tahun 1977 bagi memenuhi permohonan-permohonan perkhidmatan talipon yang dianggarkan berjumlah 166,009 dalam tahun itu.

Untuk rancangan Rangkaian Talian Pelanggan-pelanggan Jabatan Talikom menjangka dapat menyiapkan sejumlah 175,320 pasangan talian, 54,800 talian-talian tambahan ibusawat langsung, dan 800 talian pelanggan-pelanggan telex. Rangkaian Talian Sambungjauh akan ditambah lagi dengan beberapa sistem gelombang mikero besar, mikero "spur" sistem kebel-kebel di bawah tanah dan lain-lain lagi yang dijangka menelan belanja sebanyak \$70,735,000.

Butir-butir lanjut Anggaran Perbelanjaan Jabatan ini telah dibentangkan di Parlimen ini silalah rojok kepada Kertas Statut Bil. 124/76.

PERKHIDMATAN POS

Daripada 79 buah projek bagi menyediakan Pejabat Pos dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 6 buah telahpun siap dan 10 buah lagi akan siap akhir tahun 1976. Dalam tahun 1977 kerja-kerja akan diteruskan terhadap pembinaan Pejabat-pejabat Besar Pos di Kuantan dan Kota Bharu. Kerja-kerja pembinaan pula akan dimulakan bagi projek Pejabat Besar Pos Ipoh, Pejabat Bungkus Kuching dan Institiut Latihan Pos.

Jabatan ini dijangka akan menambahkan lagi Pejabat-pejabat Pos Bergerak sebanyak 16 buah lagi di Semenanjung, Sarawak dan Sabah untuk keperluan pos di luar bandar. Sebanyak 88 buah Wakil Pos pula akan disediakan lagi bagi kawasan luar bandar dalam tahun 1977. Disamping tambahan-tambahan ini masa-masa lawatan akan diperbaiki lagi dan penyerahan surat akan diperbaiki lagi terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

PELABUHAN-PELABUHAN

(a) Kuantan

Hampir semua kerja-kerja pembinaan yang besar akan siap pada akhir tahun 1977, dan pelabuhan ini dijangka dapat memulakan operasinya pada pertengahan tahun 1978. Untuk kerja-kerja pembinaan ini sejumlah \$109,000,000 adalah diperlukan.

(b) Johor

Pelabuhan ini yang telahpun memulakan operasi dijangka akan dapat melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan sepenuhnya dalam tahun 1977, kerana kerja-kerja berkaitan dengan "shore installation" dijangka siap pada akhir tahun 1976. Rancangan pembesaran pelabuhan dalam Rancangan Malaysia Ketiga pula akan melengkapkan pelabuhan ini dengan kemudahan-kemudahan kargo pukal dan penambahan dermaga bagi mengendalikan kargo am.

(c) PELABUHAN KELANG

Pinjaman berjumlah \$3,100,020 adalah diperlukan untuk meneruskan kerja-kerja "Pembesaran Pelabuhan Utara Kedua Peringkat Pertama". Dari segi operasi pula pelabuhan ini dijangka dapat menambahkan hasilnya dari \$96.107 juta dalam tahun 1976 kepada \$104.509 juta dalam tahun 1977, dan tambahan besar ini sebahagian besarnya adalah dari operasi pengendalian kargo-kargo (diramalkan lebihkurang 5.65 juta d.w.t. akan diuruskan), dan juga kenaikan tariff-tariff.

(d) PELABUHAN PULAU PINANG

Pelabuhan ini akan memerlukan pinjaman berjumlah \$11,867,010 untuk meneruskan rancangan pembesaran dan penyambungan wap di Butterworth. Disamping itu Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang pula akan membiayai beberapa projeknya sendiri seperti Pembesaran Limbungan, Pembelian Kapal Tunda dan lain-lain lagi. Dermaga ke Enam dijangka siap dalam tahun 1977, dan sebahagian besar kerja-kerja menyediakan "Container Terminal" akan juga dapat dilaksanakan dalam tahun itu.

(e) LAIN-LAIN PELABUHAN

Pelabuhan Kuching telahpun menyediakan projek pembesaran-peningkatan pertama dalam tahun 1977 dijangka akan pula memulakan kerja-kerja menambak tanah bagi projek pembesaran-peningkatan kedua dan ketiga.

Pelabuhan Kota Kinabalu telahpun menyiapkan kerja pembinaannya dan dalam tahun 1977 akan memulakan pula kerja-kerja pembesaran Pelabuhan Tawau dan Dermaga Teluk Spangar.

Jeti Melaka dijangka dapat disiapkan dan digunakan sepenuhnya pada akhir tahun 1977.

KERETAPI TANAH MELAYU

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan terus melaksanakan projek-projek memperbaiki lagi mutu perkhidmatannya dengan menambah bilangan kereta-kereta relnya, memperbaiki landasan-landasan dan lain lagi. Dengan pulihnya keadaan ekonomi Keretapi Tanah Melayu meramalkan pungutan hasil berjumlah \$94.390 juta dalam tahun 1976. Untuk mendapatkan butir-butir lanjut perbelanjaan pengurusan dan pembangunan Keretapi Tanah Melayu silalah rujuk kepada Kertas Perintah Bil. 44/76 yang telah dibentangkan di Dewan ini.

PENERBANGAN AWAM

Peruntukan yang diperlukan oleh Jabatan ini bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ialah sebanyak \$62,622,940 dan dari jumlah ini sebanyak \$35,025,910 adalah dalam bentuk pinjaman oleh kerana Jabatan Penerbangan Awam di Semenanjung Malaysia telahpun memulakan sistem Akaun Perdagangannya.

Projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977 termasuk pembangunan Lapanganterbang Pulau Pinang yang dijangka dapat menyiapkan landasannya sepanjang 11,000 kaki awal tahun 1977, dan bangunan "terminal"nya pula dijangka siap dalam bulan April, 1978. Lapanganterbang Kuala Lumpur akan diperbesarkan dan lapanganterbang Kota Bharu dijangka dapat memulakan perkhidmatan di waktu malamnya pula.

Di Kuching, Sarawak pula kerja-kerja bagi menyediakan satu bangunan terminal baru akan dimulakan dalam tahun 1977, dan di Lapanganterbang Kota Kinabalu di Sabah kerja-kerja sivil akan dimulakan dalam tahun 1977.

Jabatan ini telahpun mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Wilayah Penerangan Penerbangan (Flight Information Region) dari Singapura pada 7hb Oktober, 1976 dan oleh yang demikian berbagai-bagai kelengkapan seperti radar dan lain-lain alat letronik telahpun diperolehi dan akan dipesan lagi bagi melengkapkan lagi Jabatan ini dengan alat-alat yang diperlukan untuk pentadbiran

yang cekap. Di samping itu sebuah makmal kalibrasi telahpun ditubuhkan dan akan dilengkapkan sepenuhnya dalam tahun 1977.

Untuk mendapatkan butir-butir lanjut mengenai anggaran perbelanjaan dan hasil Jabatan ini bagi tahun 1977 silalah rujuk kepada Kertas Statut 83 tahun 1976.

Kajicuaca

Jabatan ini akan terus melengkapkan dirinya dengan kelengkapan-kelengkapan moden dan penambahan kakitangan-kakitangan yang mahir untuk memastikan satu perkhidmatan yang baik dan bermutu tinggi. Sebanyak \$3,023,000 akan dibelanjakan untuk projek-projek pembangunan termasuk pembelian sebuah Radar Amaran Ribut. Di samping khidmat Ramalan Cuaca yang penting ini, Jabatan ini mempunyai rancangan untuk menyediakan data-data "oceanography" dan "radioactivity" di angkasa.

Jabatan Laut

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia dijangka membelanjakan sejumlah \$2,262,620 dalam tahun 1977 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya yang termasuk pembelian sebuah kapal korek, dan pembesaran Pejabat Laut di Pelabuhan Kelang. Sarawak pula akan membelanjakan sebanyak \$1,990,020 untuk membeli kapal-kapal pendarat dan kapal air bagi membantu di dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan dan pembekalan air di musim kemarau. Jabatan Laut Sabah akan memulakan kerja-kerja pembinaan bangunan Pejabat Laut dan Sekolah Latihannya di Labuan dalam tahun 1977.

Demikianlah serba ringkas aktiviti pengurusan dan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan serta Badan-badan Berkanun di bawahnya dalam tahun 1977. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya pohonkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Kepala-kepala B. 55 hingga B. 62 sebanyak \$89,660,520 dan Anggaran Pembangunan Kepala-kepala P. 55 hingga P. 62 sebanyak \$658,985,710 dijadikan sebahagian daripada jadual dan diterima.

4.08 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, sukacita saya turut menyokong dan menyentuh satu perkara sahaja di muka surat 401 Kepala P. 57 pecahan-kepala 15

bagi memperbaiki padangterbang luar bandar Negeri Sarawak yang mendapat peruntukan sebanyak \$200,000 sahaja bagi tahun 1977 dan jumlah anggaran bagi tahun 1976 sampai 1980 sebanyak \$500,000. Dengan memandang begitu penting padang-padang terbang luar bandar Negeri Sarawak sekarang serta juga bagi menjamin keselamatan turun dan naik kapal terbang kecil yang menggunakan padang-padang itu lebih-lebih lagi di masa hujan atau cuaca tidak baik, maka sudah barang tentu padang-padang yang dibuat daripada tanah dengan ditumbuhi rumput sama seperti padang bola sepak itu sangat membahayakan keselamatan kapalterbang yang menggunakannya. Lebih-lebih lagi padangterbang Mukah yang berdekatan tepi pantai laut dengan kekuatan tanah pasir sahaja apabila musim hujan turun padang itu menjadi lembut dan lecek sangat merbahaya kepada kapal-kapal terbang yang menggunakannya. Selalu berlaku jadual penerbangan yang dijadualkan di masa musim hujan disebabkan padang terbang Mukah itu tidak dapat digunakan kerana air bertakung dan tanah lecek. Oleh yang demikian, ramai di antara penumpang-penumpang yang telah membuat tempahan untuk ke Sibuland Miri terpaksa menunggu masa padang tersebut kering dan keras untuk digunakan sehingga mengambil masa lebih dari satu minggu. Beginilah kesukaran penduduk di luar bandar yang berharap untuk mendapat cara perhubungan udara yang lebih baik dan selamat seperti mana jaminan atau dasar Kerajaan terhadap sistem perhubungan yang cekap.

Tuan Pengerusi, oleh hal yang demikian, saya berharap Kementerian yang berkenaan ini memberi perhatian berat supaya kemudahan lapangan terbang yang baik dan cekap bagi keselamatan penumpang diberi perhatian serta diambil tindakan segera bagi menghadapi beban tugas dan tanggungjawab untuk mengelakkan perkara yang kita semua tidak ingini berlaku. Saya berpendapat sekurang-kurangnya lapangan terbang kecil luar-luar bandar seperti lapangan terbang Mukah dibubuh dengan batu untuk memperkuat tanah yang lecek serta saluran air di tepi lapangan terbang mestilah dibuat dengan baik untuk mengeluarkan airnya supaya lapangan terbang luar-luar bandar di Sarawak dapat digunakan mengikut jadual masa yang ditetapkan dengan selamat.

Atas peruntukan sebanyak \$500,000 bagi peruntukan memperbaiki lapangan terbang

luar bandar negeri Sarawak adalah jauh daripada mencukupi. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan menimbangkan semula peruntukan ini supaya ditambah lagi sekurang-kurangnya \$1 juta lagi bagi menampung peruntukan yang sama seperti diberi kepada negeri Sabah untuk perkara yang sama seperti tercatat di dalam buku Belanjawan 1977 ini.

Saya berharap di mana perkara yang perlu dan mempunyai kelemahan daripada segi perhubungan di negara ini haruslah Kementerian ini menggunakan jasa baiknya bagi kepentingan rakyat luar bandar yang kurang perhubungan jalan raya. Jangan menunggu, malang tidak berbau.

4.13 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 57—Perhubungan Awam, muka surat 398, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1)—Pengurusan dan Pengendalian.

Kita tahu bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) berkembang dengan pesatnya. Ramai anak negeri dilatih di luar negeri dan sekarang ini banyak yang telah bertugas sebagai pemandu kapal terbang (pilots).

Malaysia juga mengambil pemandu kapal terbang dari luar negeri samada dipinjamkan (seconded) atau diambil secara kontrak. Mereka itu akan digantikan oleh anak negeri ini secara beransur-ansur kelak.

Syarikat Penerbangan Nasional kita mempunyai kakitangan lebih kurang 6,000 orang dan ia mempunyai penerbangan jauh. Walaupun begitu, kita berasa dukacita kerana Syarikat Penerbangan Nasional kita tidak memperolehi keuntungan yang besar, jika dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain. Sepatutnya Syarikat Penerbangan Nasional kita mestilah cuba minimize perbelanjaan yang tidak mustahak. Umpamanya mengadakan kemudahan penerbangan percuma teket-teket pergi balik termasuklah Menteri-menteri hingga ke Timbalan Menteri.

Hingga hari ini MAS menanggung perbelanjaan sebanyak \$226,789 daripada perkhidmatan percuma Menteri-menteri dan Timbalan Menteri serta tanggungan mereka. Menurut kenyataan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini, serta juga disiarkan di dalam akhbar *Berita Harian* keluaran 7hb Disember, 1976 dan juga akhbar *The New Straits*

Times. Semenjak kemudahan ini dikuatkuasakan Menteri-menteri dan Timbalan Menteri telah membuat 15 kali penerangan dengan MAS. Katakanlah penerbangan jauh tidak begitu ramai orangnya sekiranya betul, rasa saya bolehlah ditimbangkan supaya Setiausaha-setiausaha Parlimen, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan Timblan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Parlimen juga boleh ditimbangkan tetapi tidaklah termasuk lodging. Rasa saya yang seelok-eloknya selepas tiga tahun berkhidmat baharulah kemudahan ini diberikan.

Oleh kerana memandangkan keadaan keuntungan MAS pada tahun hadapan sangatlah kurang, begitu juga perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak menguntungkan haruslah dikaji semula. Ini saya rasa dengan menjimat perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, jawatan pemandu kapal-terbang adalah satu profession yang dibayar gaji yang tinggi, oleh sebab risknya yang dipertanggungjawabkan. Tiap-tiap 6 bulan mereka terpaksa pergi menemui doktor untuk rawatan (medical check-up). Kemungkinan di dalam masa yang terlalu muda, mereka terpaksa berhenti dari tugasnya atas sebab-sebab kesihatannya, dan dengan kerana itu gajinya dibayar tinggi. Kita akui akan hakikat ini.

Kemudahan-kemudahan istimewa selain dari gaji, adalah juga diberi seperti penerbangan percuma setahun sekali dan rawatan untuk pekerja itu sendiri tidaklah termasuk keluarga sepertimana diberi oleh firma-firma yang lain di negara kita ini. Tetapi kemudahan istimewa ini lebih diberi kepada expatriate sedangkan warganegara kita yang bertugas sama tidak mendapat kemudahan yang sama. Adalah diharap bahawa kemudahan-kemudahan istimewa ini hendaklah diberi sama dengan apa yang diberi kepada expatriate.

Tuan Pengerusi, Jabatan Operation dan Engineering masih banyak expatriate. Bilakah agaknya Jabatan-jabatan yang berkenaan ini di warganegarakan sepenuhnya? Kita mempunyai ramai warganegara yang mempunyai kelayakan dan kebolehan yang khusus di dalam perkara tersebut. Saya berharap Jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat dipenuhi dengan sepenuhnya oleh warganegara kita sendiri.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Perhubungan.

4.18 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan Kementerian Perhubungan dan saya menyentuh Kepala P. 55, Pecahan-kepala 14, muka surat 392—Memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana dapat mengadakan keretapi ekspres rakyat untuk kemudahan-kemudahan penumpang-penumpang, dan tiket-tiket dijual mengikut bilangan tempat duduk. Kalau tidak, di masa lampau apabila tiket-tiket telah dibeli tempat duduk tidak dijamin dan sekarang bagi pihak orang ramai telah memuji di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Pecahan-kepala 22—Pembaharuan Landasan. Ini sangat mustahak, baru-baru ini seramai beberapa orang penumpang-penumpang terpaksa dipindahkan atau diangkat dengan bas kerana kemalangan berlaku. Kita tahu pihak anti-national memang tidak puas hati di atas kejayaan-kejayaan yang cemerlang dan usaha-usaha Kerajaan untuk memberi kesenangan dan kebaikan untuk rakyat. Pengkhianat-pengkhianat ini bukan boleh tengok satu-satu yang baik dan elok, mereka sengaja mencongkil landasan keretapi. Pengkhianat yang saya katakan ialah untuk merosak dan menjahanamkan, oleh itu perkara-perkara serupa ini patutlah diawasi oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 26—Rumah-rumah. Saya nampak rumah-rumah untuk kakitangan keretapi patutlah dibaiki sebabnya rumah-rumah bentuk lama nampaknya sempit. Mereka mempunyai anak yang ramai kalau hendak dibuat rumah-rumah baru bagi kakitangan yang tersebut biarlah lapang sedikit.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala B. 61, Aktiviti (3)—Bahagian Perancang dan Pembangunan. Tuan Pengerusi, patutlah diadakan sebuah Pejabat Pos di Kota Kuala Muda supaya memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di sebelah utara Kuala Muda iaitu di Mukim-mukim Kota Kuala Muda, Haji Kudung, Sungai Derhaka.

Tuan Pengerusi: Kuala Muda yang mana Yang Berhormat?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Kuala Muda, Kedah. Bukit Mariam dan Rantau Panjang.

Sekarang hanya wakil pos sahaja ditempatkan di situ. Baru-baru ini di dalam perjumpaan pihak Barisan Nasional ada telah membuat rayuan daripada penduduk-penduduk daripada Mukim-mukim yang tersebut untuk mendapat sebuah Pejabat Pos. Oleh itu saya harap Kementerian ini dapat menimbangkan perkara ini.

4.20 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan di bawah Kementerian ini dan saya hendak bercakap mengenai Kepala B. 61, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Bahagian Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Pengurusan.

Tuan Pengerusi, saya berasa hairan apabila saya pergi ke Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur untuk menolong seorang kawan saya untuk menyimpan wangnya dalam Bank Simpanan Nasional didapati bahawa daripada dua counter yang diuntukkan bagi Bank Simpanan Nasional hanya satu sahaja dijalankan. Lebih kurang pada pukul 11.00 pagi tadi seorang pekerja perempuan baru sahaja masuk bekerja dan apabila melihat kami menunggu dia suruh kami pergi ke counter satu lagi selepas meletakkan semua barangnya di atas tempat bekerja. Saya memberitahu bahawa counter itu telahpun penuh sesak tetapi ia tidak peduli dan terus berjalan keluar daripada tempatnya.

Kerajaan menggalakkan rakyat menyimpan wang di dalam Bank Simpanan Nasional, tetapi dengan sikap kakitangan Bank Simpanan Nasional yang begitu, sudah tentulah rakyat menyimpan wangnya di bank-bank lain.

Bercakap berkenaan dengan Pejabat Pos Pualau Pinang, saya diberitahu bahawa pada masa sekarang terdapat beberapa jawatan kosong di dalam Pejabat Pos itu yang tiada dipenuhi selama beberapa tahun. Kalau saya tidak salah, ada dua kekosongan bagi jawatan Penolong Pengawal Pos, dua kekosongan untuk Penguasa Pos dan tidak kurang daripada lima kekosongan untuk Penolong Penguasa Pos. Kerani-kerani pejabat itu patut dinaikkan pangkat ke satu peringkat yang lebih tinggi. Mereka sudah tentu berasa tidak puas hati dan keciwa apabila pejabat itu tidak bersikap adil kepada

mereka. Mereka sentiasa bertanya-tanya tentang sebab kekosongan-kekosongan itu tidak dapat dipenuhi. Adakah disebabkan tidak ada calon yang sesuai atau pejabat itu menyimpan jawatan-jawatan itu untuk orang-orang kesayangan mereka? Tuan Pengerusi, saya rasa tindakan pejabat itu adalah satu perbuatan yang menghabiskan kepercayaan kakitangan yang telah lama berkhidmat dengan pejabat itu.

Satu lagi saya diberitahu bahawa Pejabat Pos Kecil dan Pejabat Pos Daerah di Pulau Pinang dan Seberang Perai sedang menggunakan kerani-kerani memandu van bergerak untuk berkhidmat di kawasan luar bandar. Semasa pegawai-pegawai ini mula berkhidmat mereka diterima sebagai kakitangan kerani, melainkan syarat perkhidmatan mereka diubah untuk mewajibkan mereka memandu van, jika sekiranya mereka bersetuju dan menerima hendak memandu van, saya suka mengesyorkan supaya mereka dapat dibayar elaun tambahan untuk memandu kereta.

Sekarang saya suka menyentuh Kepala B. 62—Jabatan Talikom mengenai Perkhidmatan Talikom.

Tuan Pengerusi, di Bukit Mertajam bekalan talipon belum ada dialling system lagi, walaupun peruntukan untuk memasang dialling system sudah diluluskan pada tahun 1970 kalau saya tidak salah. Oleh yang demikian, panggilan talipon hendaklah dibuat melalui operator. Banyak komplek diterima dari subscriber iaitu selalu susah hendak membuat panggilan talipon ke Pulau Pinang atau Butterworth bukan sahaja ke tempat-tempat yang lain. Banyak subscriber merasa lebih cepat kalau pergi ke Butterworth dengan kereta daripada menunggu untuk membuat panggilan talipon daripada Butterworth. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan supaya memperbaiki perkhidmatan talipon bukan sahaja di Bukit Mertajam bahkan di Pulau Pinang. Terima kasih.

4.25 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan bagi Kementerian Perhubungan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi. Saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini yang telah dapat

menjalankan berbagai-bagai kegiatan terutamanya seperti Jabatan Keretapi yang telahpun mengadakan perubahan-perubahan mulai daripada tahun ini.

Saya ingin bercakap mengenai Kepala P. 56, Pecahan-kepala 1, muka surat 396—Pinjaman Penerbangan Awam untuk Projek-projek Pembangunan. Perkara yang pertama mengenai dengan lapanganterbang Johor Bahru. Rakyat negeri Johor bahkan rakyat di Semenanjung Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah dapat membina lapanganterbang yang saya rasa termoden dan terbaru di seluruh negara kita. Tetapi apa yang menjadi perbualan orang ramai kerana lapanganterbang ini tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Maksud saya tidak banyak kapalterbang-kapalterbang yang turun ataupun mengambil penumpang sebagaimana yang sepatutnya. Jadi, saya harap beberapa usaha patut dijalankan supaya lapanganterbang ini dapat digunakan sebagai sebuah lapanganterbang yang sebok iaitu samada lapanganterbang ini dijadikan lapanganterbang kepada kapalterbang-kapalterbang cargo, bukan setakat kapalterbang penumpang. Begitu juga kegiatan-kegiatan lain, saya rasa boleh dianjurkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dengan mengadakan kelab penerbangan. Saya rasa orang di Johor juga ingin menyertai kelab penerbangan ini sebagaimana di lapanganterbang yang lain. Begitu juga kapalterbang yang datang samada dari Kuching atau Kota Kinabalu yang sekarang dalam perjalanannya ke Kuala Lumpur semuanya berhenti di Singapura. Sebahagian daripadanya berhenti di Johor Bahru sebelum ke Kuala Lumpur. Saya tidaklah berkehendakkan supaya semua kapalterbang yang turun di Singapura itu turun di Johor Bahru. Sebahagian daripadanya pun cukupkah.

Selain daripada itu, saya rasa patut juga kapalterbang haji yang saya dapat tahu ramai bakal-bakal haji daripada kawasan selatan terutamanya dari negeri Johor naik daripada Senai sahaja, tidak payah dari Kuala Lumpur. Ini memudahkan lagi jemaah-jemaah haji sebagaimana yang saya katakan tadi.

Demikian juga lapanganterbang ini boleh digunakan untuk Tentera Udara Di Raja Malaysia kita. Jadi dengan adanya kemudahan ini, saya percaya lapanganterbang yang menelan belanja yang begitu besar dapat digunakan dengan sepenuh-penuhnya.

Dalam Pecahan-kepala yang sama mengenai lapanganterbang Kuala Lumpur yang saya didapati di sini peruntukan kerana pembangunan lebih kurang \$4,085,000.00. Sebagai sebuah lapanganterbang antarabangsa patutlah beberapa perkara kita cadangkan daripada sekarang.

Yang pertamanya, saya nampak landasan atau runwaynya terlampau rapat dengan bangunan terminal yang menyebabkan keadaan bising dan sebagainya dan kadang-kadang pemberitahu untuk keberangkatan atau ketibaan kapalterbang kurang jelas di dengar. Walaupun ini akan memakan belaja yang besar, saya fikir patutlah difikirkan sebagai sebuah lapanganterbang antarabangsa supaya satu landasan baru yang jauh sedikit daripada terminal patut dicadangkan sebagaimana lapanganterbang Singapura dan lain-lain negeri.

Demikian juga saya nampak kawalan ketat biasanya masa kita hendak naik kapalterbang samada hendak pergi ke Kota Bharu, Pulau Pinang dan sebagainya, tetapi masa balik, saya nampak kurang sedikit, maka patut diadakan kawalan yang ketat samada seperti masa penumpang-penumpang hendak menaiki kapalterbang. Mungkin penumpang-penumpang yang datang dari Kota Bharu/Pulau Pinang, di mana mereka ini hampir dengan sempadan negara Siam, banyak perkara-perkara seperti dadah, senjata dan sebagainya mungkin dapat diseludupkan. Dan dengan adanya kawalan yang ketat dapatlah kita menjalankan perkara yang tidak diingini.

Selain daripada itu, mengenai lapanganterbang juga sebagaimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri berkenaan mulai tahun 1977, MAS akan memulakan perkhidmatan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Saya telah meneliti lapanganterbang-lapanganterbang yang akan dimasukkan ke dalam rancangan ini. Tetapi lapanganterbang Tanjung Labuh di Batu Pahat yang saya nampak tidak kurang juga perlunya jika dibandingkan dengan lapanganterbang yang lain yang cadangkan di bawah rancangan itu iaitu lapanganterbang-lapanganterbang Segamat, Mersing dan lain-lain. Ini memandangkan Batu Pahat pembangunannya pesat dan yang menjadi bandar kedua di negeri Johor selepas Johor Bahru.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya percaya bukan sahaja setakat dari segi perniagaan tetapi juga memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan menggunakan perkhidmatan udara. Sementelahan pula lapanganterbang tentera yang sedia ada di situ tidak memakan belanja yang besar jika hendak digunakan untuk rancangan ini. Saya harap supaya rancangan ini dimasukkan dalam tahun 1977 juga bukan selepas Mid-term Review atau sebagainya yang memakan masa kira-kira dua tiga tahun.

Mengenai dengan Kepala P. 55 Pecahan-Kepala 22—Pembaharuan Landasan. Dalam perkara ini sebagaimana kita maklum boleh dikatakan tiap-tiap minggu, kadang-kadang berselang hari berlaku kejadian kemalangan di rel-rel keretapi ataupun di landasan keretapi samada yang bergate (gate) ataupun lintasan biasa. Saya rasa untuk melindungi keselamatan orang ramai patutlah satu-satu cara bagi mengelakkan perkara ini dijalankan ataupun landasan-landasan keretapi ini kita jadikan kawasan larangan untuk mengelakkan apa yang saya telah katakan tadi.

Bercakap mengenai Kepala P. 61, Pecahan-kepala 1, muka surat 430—Pejabat Pos dan rumah-rumah Kediaman. Jadi sudahlah sampai masanya saya rasa Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Malaysia mendapat sebuah bangunan pejabat pos yang baharu bukan sahaja untuk keselesaan kegunaan orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini bahkan juga menjadi satu pandangan baik kepada orang-orang yang datang daripada negeri-negeri luar. Demikian juga dengan Pejabat Pos Batu Pahat. Pejabat Pos di Batu Pahat telah didirikan lebih tua daripada umur saya sendiri iaitu sebelum perang lagi. Bangunannya walaupun kukuh tetapi terlampau sempit sementelah pula di tingkat atas itu digunakan untuk Jabatan Talikom. Memandangkan kesibukan di Pejabat Pos itu yang pekerja-pekerjanya terlampau ramai dan juga urusan-urusannya, terutamanya di waktu membayar gaji isteri-isteri tentera dan sebagainya. Walaupun secara lisan persetujuan telahpun didapati untuk mendirikan bangunan Pejabat Pos ini, saya harap dapatlah disegerakan pembinaannya. Sementelah pula hanya Daerah Batu Pahat sahaja dalam negeri Johor yang belum mendapat bangunan Pejabat Pos yang baru.

Mengenai Pejabat Pos juga, saya rasa patutlah Jabatan Pos mengadakan setem-setem peringatan sebagai penghargaan kepada pemimpin-pemimpin kita seperti Allahyarham Tun Dr Ismail, Allahyarham Datuk Onn sebagai pengasas perjuangan kemerdekaan kita dan lain-lain lagi untuk kenang-kenangan sekurang-kurangnya waktu kita menyambut perayaan 10 atau 20 tahun kemerdekaan bagi mengenangkan jasa pemimpin-pemimpin kita itu selain daripada setem-setem yang ada pada hari ini.

Akhirnya, saya hendak bercakap sedikit mengenai dengan Jabatan Talikom iaitu Kepala P. 62, Pecahan-kepala 1. Apa yang saya hendak sebutkan di sini mengenai penyusunan pegawai-pegawai di Jabatan Talikom di negeri Johor. Saya dapati pihak orang ramai kurang bersetuju pihak jajaan Kluang kerana Batu Pahat pada masa yang lalu di bawah jagaan Penolong Pengawal Talikom (A.C.T.). Tetapi sebagaimana yang saya diberitahu mulai 1hb Januari, 1977 pegawai ini akan ditukarkan ke Johor Bahru dan seorang pegawai sebagai Pembantu Kanan sahaja tinggal di Batu Pahat, sedangkan pembangunan di Batu Pahat sebagaimana yang saya katakan tadi adalah yang kedua besarnya dalam negeri Johor, banyak talipon baru yang dikehendaki. Saya harap kalau boleh penyusunan ini dapat dipertimbangkan semula dan dikekalkan Batu Pahat sebagai taraf yang lama. Tuan Pengerusi, saya dengan ini menyokong peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian ini sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

4.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perhubungan iaitu Kepala P. 55, muka surat 392, berkenaan dengan Sambungan Rel ke Pelabuhan-pelabuhan.

Tuan Pengerusi, saya dapati dalam Rancangan Malaysia Ketiga di negeri Trengganu akan dimasukkan satu projek iaitu untuk menyambung rel keretapi ke sana. Tetapi apabila saya selidik dalam peruntukan yang diberi bagi tahun yang akan datang ini nampaknya tidak ada dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengambil perhatian dalam hal ini supaya dapat diwujudkan di mana-mana ruangan yang

boleh dimasukkan untuk meluaskan sambungan rel keretapi ke negeri Trengganu. Sebab sekarang ini malu benar negeri Trengganu masih tidak ada keretapi. Tambahan pula banyak pengeluaran-pengeluaran di sana yang memerlukan kenderaan ini untuk dikeluarkan khususnya untuk diedar atau dibawa ke Pelabuhan Kuantan yang sedang dibina dan akan siap nanti. Jadi, kalau ada apa-apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, saya mohon supaya ditekankan agar rancangan ini dilaksanakan dengan seberapa segera.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan penerbangan awam, saya dapati dalam Rancangan Malaysia Ketiga, saya nampak penerbangan awam bagi luar-luar bandar ini akan diutamakan tetapi saya tidak dapat bertemu di mana rancangan itu hendak diwujudkan mengikut yang sebenar-benar luar bandar, saya tahu antara rancangan-rancangan yang dicadangkan ialah di Dungun dicadangkan untuk diadakan satu lapangan terbang di luar bandar, tetapi saya tidak nampak peruntukan diberi walaupun \$10 ataupun apa-apa peruntukan untuk projek tersebut. Saya harap dapat perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh mengenai Kepala P. 61—Perkhidmatan Pos, muka surat 430, Pecahan-kepala 3—Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan. Pihak penghantar surat ataupun posmen kita sekarang ini banyak menggunakan basikal. Dengan keadaan yang ada sekarang, oleh sebab jalan telah terlampau banyak, saya mencadangkan supaya diberi kenderaan Honda supaya mereka ini tidak teruk sangat menunggang basikal dan mungkin menjadi sakit kepada anak-anak muda yang bekerja kayuh basikal terlampau banyak. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menimbangkan supaya mereka ini dibekalkan kenderaan Honda ataupun apa-apa kenderaan berenjin supaya mereka tidak teruk sangat.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi, dan pada akhirnya, saya menyokong peruntukan ini.

4.43 ptg.

Tuan Farn Siong Than (Sungei Besi): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyertai perbahasan ke atas Anggaran Kementerian Perhubungan dan saya menyentuh Kepala B. 62—Jabatan Talikom.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$957.39 juta diperuntukkan untuk kemajuan rancangan-rancangan perhubungan. Menurut Rancangan Malaysia Ketiga, sebanyak \$396,000 kawat talipon baru akan dipasang supaya dapat mengurangkan penimbunan untuk talipon. Juga sebanyak 452,600 kebel akan dipasang di seluruh negara untuk tujuan memberi perkhidmatan talipon.

Memandang kepada jumlah wang yang akan dibelanjakan untuk projek-projek talikom di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah amat perlu jentera Jabatan Talikom diselenggarakan oleh pengurusan yang bersih dan cekap oleh kerana keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan talipon adalah amat besar, baik pun perkhidmatan talipon dikehendaki oleh pihak swasta untuk tujuan perniagaan ataupun dikehendaki di rumah-rumah kediaman. Permohonan-permohonan ini telah bertimbun-timbun tahun demi tahun. Beberapa orang pegawai di Jabatan Talikom telah menggunakan kesempatan ini dan telah melakukan perkara curang. Kerap kali kita dengar sungutan orang ramai yang menyatakan bahawa permohonan untuk mendapatkan talipon tidak ditimbang dari segi "first come, first serve" tetapi dari segi "money come first". Ramai pemohon-pemohon terutama sekali mereka yang memerlukan perkhidmatan talipon untuk tujuan perniagaan gagal mendapatkan talipon untuk beberapa tahun.

Sebaliknya, ada beberapa orang yang berjaya mendapatkan perkhidmatan talipon dalam tempoh sebulan. Hal ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai yang memerlukan perkhidmatan talipon. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan akan menjalankan satu siasatan ke dalam amalan-amalan tidak senonoh yang dijalankan oleh beberapa orang kakitangan di Jabatan Talikom dengan tujuan menghapuskan amalan-amalan rasuah yang dilakukan oleh beberapa orang kakitangan di Jabatan Talikom. Saya juga menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengambil tindakan untuk menyegerakan masa yang diambil untuk meluluskan permohonan-permohonan talipon.

Kita pernah mendengar tentang "Perhubungan Peranhis", (French Connections) "Perhubungan Hong Kong" (Hong Kong Connections) dalam hal pengedaran dadah. Di dalam Jabatan Talikom pula, saya syaki terdapat "Perhubungan Wiring" (Wiring Connections).

Kita pernah juga membaca tentang aduan-aduan yang dibuat melalui ruangan akhbar oleh pengguna-pengguna talipon tentang amaun besar yang dimasukkan ke dalam bil talipon mereka, pada hal panggilan-panggilan talipon yang dibuat oleh pengguna-pengguna itu adalah tidak begitu banyak.

Terdapat beberapa kes di mana pesara-pesara mendapati walaupun mereka jarang membuat panggilan jauh, tetapi bil talipon mereka menunjukkan bahawa mereka telah membuat panggilan jauh.

Saya difahamkan beberapa orang operator talipon trafik di Jabatan Talikom telah berpakat dengan peniaga-peniaga dan segala panggilan jauh yang dibuat oleh peniaga-peniaga itu dimasukkan ke dalam bil pengguna-pengguna lain. Operator-operator talipon ini, saya difahamkan menerima bayaran bulanan dari peniaga-peniaga ini. Aduan-aduan tertulis yang dibuat oleh pengguna-pengguna talipon kepada Jabatan Talikom kerap kali tidak dilayan ataupun ditolak dari seorang kepada seorang lain. Juga apa yang menakutkan saya ialah apabila seorang pengguna talipon hendak meminta penjelasan tentang bil taliponnya, beliau dikenakan bayar "bayaran carian", adalah menjadi hak seorang pengguna talipon untuk bertanya butir-butir lanjut mengenai bil taliponnya. Memandang ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk menghapuskan bayaran carian yang dikenakan ke atas pengguna talipon.

Akhirnya, saya merayu sekali lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjalankan siasatan ke dalam "Perhubungan Wiring" ataupun "Wiring Connections" di Jabatan Talikom supaya perkara-perkara yang tidak senonoh yang berlaku di Jabatan Talikom dapat dihapuskan dan jika ini dibuat kepercayaan orang ramai terhadap kredibiliti Jabatan Talikom akan dapat dipulihkan.

4.50 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya mohon izin menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Perhubungan yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya suka sekali menyentuh Kepala B. 55, muka surat 389, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Perancangan.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang orang ramai sungguh puas hati atas kejayaan pentadbiran keretapi dan pemulihannya dan baru tadi kita telah mendengar dalam Dewan ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri rancangan-rancangan yang begitu intensif pada masa akan datang. Di antaranya suka saya mengesyorkan satu daripadanya, iaitu patut Perkhidmatan Keretapi ini membuat cawangan-cawangan satu sistem service yang bernama Commuter Service, iaitu Jalan Keretapi Pendek kepada kampung-kampung baru, pekan-pekan industri, FELDA dan sebagainya yang mana boleh dapat disampaikan. Ini akan memberikan kemudahan-kemudahan bagi penumpang-penumpang terutamanya kepada pekerja-pekerja kilang, buruh-buruh kasar, mungkin murid-murid juga dapat menggunakan dan ini akan boleh menyelesaikan atau menolong mengurangkan kesesakan jalanraya. Saya rasa sistem yang macam ini perlulah atau sudah sampai masanya dimulakan manakala kita dalam pesat dengan pembangunan negara dan perkembangan population dalam negara kita pada masa akan datang.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah Kepala P. 55, muka surat 393, Pecahan-kepala 27 Stesyen-stesyen. Saya ingin membuat teguran berkenaan dengan Stesyen Keretapi Kuala Lumpur yang merupakan stesyen pusat bagi negara kita ini. Pada pendapat saya ada baiknya dan sudah sampai masanya stesyen itu diperbaiki (renovation) supaya seimbang sebagai stesyen pusat bagi negara, lebih-lebih lagi ianya duduk di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Keadaan stesyen itu pada masa sekarang ini saya berpendapat tidaklah begitu sesuai. Hotelnya buruk, kantin orang ramai secara lama yang mana tidak berapa selesa hendak makan di situ. Saya rasa patutlah diperbaiki sebab mengelakkan pandangan orang luar iaitu orang yang datang daripada negeri luar, biarlah smart sedikit keadaan stesyen kita sesuai dengan pembangunan negara yang kita buat pada masa sekarang. Begitu juga saya rasa tempat duduk bagi penumpang-penumpang menunggu sementara waktunya sampai itu diperbesarkan. Pada hari ini sangat kecil, saya nampak berseksa-sesak dan bagi penumpang Kelas I dan Kelas II sudah patut kita berikan hawa dingin sesuai dengan rancangan pentadbiran ini hendak memodenkan keadaan perkhidmatan keretapi pada tahun akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, suka-lah saya beralih kepada kepala B. 56, muka surat 396, Aktiviti (1) Perkhidmatan Penerbangan Awam. Akhir-akhir ini saya terdengar dan saya sendiri pun mengalami juga iaitu sungutan orang ramai tentang layanan ataupun sikap pegawai-pegawai yang bekerja di Lapanganterbang Subang tidak begitu sihat. Ada kalanya seperti kata orang: Langgar bahasa dan bersikap sebagai pegawai Kerajaan, tidaklah motivated sebagai pegawai-pegawai commercial. Perkara ini patut Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatian dan saya mengharapkan supaya sungutan orang ramai ini dapat dihapuskan kerana perbuatan, sikap atau kelakuan mereka yang tidak dapat diterima oleh orang ramai akan bertukar bersikap sopan-santun dan berbudi bahasa baik. Rasa saya mereka buat lebih baik lagi daripada pegawai-pegawai di negeri-negeri luar. Mereka hendaklah humble sedikit kepada public untuk mencerminkan keadaan budi pekerti bangsa atau rakyat kita di sini.

Dalam bidang ini juga ialah mengenai sungutan orang hendak ke Mekah. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba berikhtiar menurunkan harga tambang kapalterbang ke Mekah. Saya nampak ada jalannya, iaitu dari pendapat saya Yang Berhormat Menteri boleh berikhtiar mencari banyak landing right dengan negara jiran Arab Saudi, kerana biasa dijawab kepada soalan ditimbulkan, mengapa tambang ke Mekah tidak dapat diturunkan. Jawabnya, kerana kapalterbang balik kosong. Jadi cari ikhtiar supaya dapat penumpang dibawa balik ke Kuala Lumpur ini. Begitu juga dari lain-lain negeri supaya perkhidmatan dapat lebih banyak lagi penerbangannya dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Kepala B. 26 muka surat 432, Perkhidmatan Talikom. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana kawasan saya, Kuala Selangor dan Tanjong Karang sudah ada perubahan, sudah baik servicenya akan tetapi saya masih lagi menuntut janji yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan, iaitu di kawasan itu akan diberi service automatik. Kalau tidak silap saya tempohnya ialah bulan ini akan disiapkan tetapi masalaahnya belum lagi dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan ambil perhatian kerana saya sudah committed kepada pengundi-pengundi saya, dan janji ini perlulah ditunaikan supaya

masaalah ini tidak menjadi keraguan dan saya tidak pula dituduh sebagai bohong dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, yang akhir saya beralih kepada Kepala B. 61, muka surat 426 Aktiviti (2)—Bahagian Kewangan. Saya terbaca dalam buku penjelasan iaitu Pos ada menjalankan penyelenggaraan dan menjalankan perkhidmatan perwakilan yang diberi pada Kerajaan, Badan-badan Berkanun, misalnya, Bahagian Pencen. Rasa saya masanya sudah sampai untuk kita untuk memikat atau menggalakkan ramai lagi orang menyimpan wang di dalam Bank Simpanan Nasional. Apa salahnya kalau Pejabat Pos atau Jabatan Pos membuat satu sekim lagi iaitu gaji pegawai-pegawai Kerajaan, kakitangan Kerajaan, buruh kasar dan lain-lain dibayar melalui Pos. Dengan ini saya rasa dapat mendekatkan banyak lagi orang ramai kepada Bank Simpanan Nasional dan ini dapat memperkembangkan lagi kegiatannya.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja dan saya penuh menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Perhubungan.

5.02 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh sedikit mengenai wang yang diperuntukan dalam Kepala B. 57 dan P. 57, muka surat 400, Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, mengikut laporan Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan ada bercadang iaitu menambah dan membesarkan padang-padang lapanganterbang baru di bandar dan di luar-luar bandar di Sarawak dan wang yang diperuntukan sebanyak \$11,470,010 pada tahun 1977 dan di Sabah sebanyak \$16,127,020.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat oleh kerana ini diangapkan satu contoh yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Ini mencerminkan Kerajaan ada bertimbang rasa kepada rakyat yang tinggal di luarbandar. Ini amat baik jikalau Kerajaan dapat menimbangkan tambang-tambang kapal itu patutlah dijalankan dengan harga yang berpatutan. Rakyat yang tinggal ataupun yang datang dari luarbandar yang berpendapatan rendah berharap tambang-tambang kapal terbang itu tidak dinaikkan dengan berganda-ganda.

Tuan Pengerusi, selain dari itu program-program untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang baru dan dengan meningkatkan mutu-mutu lapangan terbang antara-bangsa khususnya lapangan terbang Kuching. Ini juga sebagai sebuah lapangan terbang tempatan dan antarabangsa di Sarawak.

Tuan Pengerusi, dengan mengadakan kemudahan-kemudahan yang moden dan membesarkan lapangan terbang antarabangsa Kuching sangat perlu untuk menampung pendaratan kapal terbang jet supaya lebih ramai pelancung-pelancung datang daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati oleh kerana makin sehari makin bertambah penumpang-penumpang dari Kuching ke Singapura dan ke Semenanjung Malaysia. Pada pendapat saya pihak MAS patutlah meneruskan program perkembangannya dengan seboleh-bolehnya oleh kerana pada masa sekarang kapal terbang MAS Kuching ke Singapura dan Singapura ke Kuching tidak mencukupi. Banyak penumpang-penumpang dari luar bandar menunggu-nunggu empat lima hari di hotel Kuching. Sebagai satu contoh, baru-baru ini rakan saya Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden dan Yang Berhormat Tuan Jonathan Narwin tiga hari menunggu di hotel Kuching dan kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu memang sudah booking dua minggu dahulu. Seorang lagi, Yang Berhormat Encik Liben Kato saya fikir sehingga hari ini pun masih lagi tinggal di hotel Kuching kerana saya nampak beliau tidak ada di sini pada petang ini. Pada fikiran saya kita tidak mahu perkara seperti ini berlaku di negara ini. Sepatutnya nama-nama Ahli Yang Berhormat itu tidak patutlah dibiarkan. Sepatutnya pihak MAS berfikir dengan sedalam-dalamnya oleh kerana Ahli Yang Berhormat datang ke Kuala Lumpur atau balik dari Kuala Lumpur atau Ahli-ahli Parlimen dari Semenanjung bukan sengaja mereka datang kemari—bukan melancung. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab agar dapat mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini.

Juga ada satu hari saya sendiri terpaksa menunggu iaitu bila saya hendak balik ke Kuching dari Kuala Lumpur iaitu pada tahun yang lepas. Tiket saya sudah diconfirm, kemudian datang seorang peniaga atau taukeh terus

dapat mengambil tempat saya dan saya bertanya kepada pegawai-pegawai MAS katanya: awak lambat 5 minit. Saya mengakui kelambatan itu kerana heavy traffic dari hotel ke airport dan saya sudah ditinggalkan dan saya terpaksa menunggu kapal terbang yang lain. Ini mungkin selalu berlaku. Jikalau saya tidak sebutkan di Dewan yang mulia ini mungkin pegawai-pegawai MAS tidak mengambil tindakan berat kepada Ahli-ahli Parlimen kerana ramai Ahli Parlimen dari Sarawak bimbang berkenaan dengan perkara yang saya bangkitkan di Dewan petang ini. Saya harap perkara yang saya sebutkan itu tidak boleh dibiarkan. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat mengambil tindakan dan dapat berhubung dengan pihak Syarikat MAS supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, berkait dengan pegawai-pegawai di Syarikat MAS. Sepatutnya tidak kurang dari 50% kaum bumiputra diambil bekerja. Saya tahu sungguhpun kaum bumiputra kurang kepandaianya tetapi Kerajaan tiap-tiap tahun ada menambahkan peruntukan yang lebih kepada Kementerian ini supaya dapat menambahkan dan melatih ramai anak-anak bumiputra khususnya anak-anak bumiputra di Sarawak. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab supaya dapat menimbangkan anak-anak bumiputra patut diambil banyak lagi bekerja di Syarikat Penerbangan MAS.

5.08 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan, Kepala P. 55 hingga P. 62.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai perkhidmatan keretapi. Keretapi Tanah Melayu telah menunjukkan kemajuan yang sangat menggalakkan semenjak akhir-akhir ini. Saya masih ingat beberapa tahun yang silam tiap-tiap kali diadakan sidang Dewan Parlimen dan di akhbar-akhbar Kementerian Perhubunganlah yang selalu dihentam, dikata, dicaci berbagai-bagai nista yang dilemparkan kepada Kementerian Perhubungan sebab Kementerian ini mendatangkan kerugian yang besar menyebabkan beban yang berat kepada Kerajaan. Sehingga ada pendapat mengatakan perkhidmatan keretapi ini tidak boleh untung. Kita boleh periksa

mana-mana negara yang menjalankan perkhidmatan keretapi ini, tidak ada satu pun yang untung, kecuali ada sebuah dua negara sahaja yang untung. Jadi, pendapat tadi oleh sebab dicakapkan selalu, sudah menjadi satu kepercayaan kepada orang ramai dan harus juga Kerajaan sendiri percaya. Betulkah pendapat itu perkhidmatan keretapi tidak akan dapat untung sampai hari kiamat? Kepercayaan karut dan tahayul ini sudah begitu tebal dalam fikiran orang ramai. Tetapi syukur Alhamdulillah semenjak keretapi kita—maksud saya Keretapi Semenanjung Tanah Melayu—mendapat seorang Timbalan Menteri yang baru dan seorang Pengurus Besar yang baru, maka saya juga percaya kakitangan seluruhnya—kakitangan Perkhidmatan Keretapi ini telah bekerja bersungguh-sungguh dengan giat dan dapat membasmi kepercayaan karut yang saya katakan tadi. Kepercayaan yang mengatakan perkhidmatan keretapi tidak boleh untung. Jadi, ini ialah hasil daripada kerja kuat, initiative yang tidak mengenal penat dan lelah. Saya fikir sangat wajar saya menyebut dalam Dewan yang mulia ini dan saya ucapkan tahniah kepada pegawai Pengurus Besar kita yang begitu gigih yang tidak mengenal penat dan lelah untuk membuktikan bahawa perkhidmatan keretapi ini boleh benar-benar ada minat, kalau benar-benar ada kesungguhan untuk memberi perkhidmatan dan membuat keuntungan kepada negara.

Hari ini kita bersyukur Keretapi Tanah Melayu sudah dapat membuat keuntungan yang sangat menggalakkan dan kita harap pada masa akan datang kemajuan ini akan ditingkatkan lagi. Jadi, saya bercakap di bawah Kepala B. 55, muka surat 389—Kakitangan. Saya harap bukti kejayaan, kegigihan, dedikasi yang ditunjukkan oleh Pengurus Besar dalam jabatan-jabatan lain, dan kalau-lah kita dapat lebih banyak lagi pegawai-pegawai yang betul-betul gigih, betul-betul usaha, saya fikir negara kita akan mendapat kejayaan yang lebih pesat dan lebih maju lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, saya suka menyentuh kepada Kepala P. 55 muka surat 393, Pecahan-kepala 25 mengenai Ekspres Rakyat yang telah diperkenalkan kepada orang ramai baru-baru ini. Sekali lagi saya ucapkan tahniah. Saya harap ianya dapat ditinggikan lagi mutu perkhidmatan Ekspres Rakyat ini dan daripada tinjauan yang saya buat, saya dapati orang ramai

memuji akan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Ekspres Rakyat. Cuma ada satu dua cacat-celanya, iaitu seperti kata pepatah Melayu: tak ada gading yang tak retak. Walaupun cantik, walaupun baik, masih ada yang tak baik sedikit. Jadi kalau boleh kita baiki, ada kemungkinan, saya suka mencadangkan dalam Dewan ini kepada Kementerian yang berkenaan, kalau boleh kita lengkapkan Keretapi Ekspres Rakyat ini dengan alat-alat hawa dingin. Saya fikir kalau dapat dilengkapi alat hawa dingin dalam Keretapi Ekspres Rakyat, mungkin penumpang-penumpang itu akan bertambah dan keretapi yang kita ada sekarang tidak akan cukup, terpaksa ditambah lagi.

Saya suka juga bercakap Kepala P. 55, muka surat 393, Pecahan-kepala 26—Rumah-rumah (Quarters). Tadi telah saya katakan dalam Majlis ini bahawa kakitangan bahagian Jabatan Keretapi ini sudah menunjukkan bahawa mereka bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat, tetapi kalau kita lihat rumah-rumah yang didiami oleh kakitangan keretapi sangatlah menyedihkan. Rumahnya sudah uzur. Quarters itu didirikan sebelum saya dilahirkan di dunia ini, kebanyakannya.

Sebagai contoh di stesyen Prai, rumah-rumah itu, saya fikir tak sesuai lagi manusia duduk. Kita mengharapkan perkhidmatan yang baik oleh kakitangan keretapi, tetapi di satu pihak kita biarkan kepentingan pekerja-pekerja ini dalam keadaan yang menyedihkan. Saya fikir ini patut Menteri yang berkenaan tolong pergi melawat dan tengok keadaan pekerja-pekerja keretapi dan keadaan rumah mereka. Tandasnya, tandas angkat lagi. Kita masuk dalam rumahnya sudah berbau—Ya Allah, Allah sahaja yang tahu. Kita boleh pergi melawat tengok sendiri. Jadi saya fikir tak sesuai. Kerajaan menggalakkan supaya digunakan jamban curah, tetapi kalau kita pergi tengok di quarters keretapi masih menggunakan tandas angkat. Masaalahnya di Pulau Pinang sendiri hari ini tidak ada lagi manusia yang mahu mengangkat najis. Pihak LPKT (Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan) mengeluarkan tender, meninggikan harga tender itu, tetapi tak ada orang yang mengambillnya. Jadi bila dikeluarkan tender hendak angkat najis, tak ada orang, walaupun ditawarkan gaji \$20.00 atau \$30.00 tak ada orang yang mahu. Dahulu ada juga rakyat daripada keturunan Tionghua yang mahu, hari ini mereka tak mahu lagi. Barangkali hina pekerjaan itu. Ini saya fikir patut juga, sebab keadaan negara

kita sudah maju. Jadi apa yang saya harapkan kalau kita tak boleh bangunkan quarters yang lebih moden, yang lebih elok, sekurang-kurangnya kita modenkan tandasnya. Itu pokok kesihatan. Bila sahaja masuk dalam rumah sudah berbau. Jadi macam mana mereka hendak memberi perkhidmatan yang baik, kalau kesihatan mereka sendiri tidak terjamin, tidak diawasi dengan baik. Dan saya fikir kalau di kawasan Prai, di kawasan quarters itu kita dirikan rumah-rumah pangsa, tanahnya sangat luas yang berhampiran dengan kawasan kilang-kilang itu, kalau kita pandai membuat planning yang baik, bukan sahaja di tanah itu dapat kita dirikan quarters untuk pekerja keretapi, sebaliknya kita boleh dirikan kedai-kedai yang boleh mendatangkan keuntungan yang lebih kepada perkhidmatan keretapi. Selain daripada perkhidmatan penumpang, kita dapat perkhidmatan sampingan untuk projek-projek kedai dan sebagainya yang boleh menguntungkan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala P. 55, muka surat 392, Pecahan-kepala 22 dan 23.

Kalau kita lihat dalam peta Semenanjung Malaysia ini, landasan Keretapi itu boleh dikatakan melalui semua negeri, kecuali Negeri Trengganu. Saya bukan orang Trengganu, tetapi saya rasa sedih, negeri Trengganu tak ada jalan keretapi, tak ada landasan keretapi. Pada pendapat saya inilah yang menyebabkan negeri Trengganu itu mundur. Salah satu faktor yang besar yang menyebabkan negeri Trengganu itu mundur, kerana tidak ada landasan keretapi dan saya tengok dalam buku Anggaran Belanjawan ini tidak ada langkah-langkah dibuat atau kajian kemungkinan untuk mengadakan satu landasan keretapi melalui negeri Trengganu. Ada juga orang kata keretapi tak lalu di Negeri Melaka, tetapi lalu di sempadan, dapat juga merasai, tetapi negeri Trengganu langsung tak ada. Ini seolah-olah kita menganak-tirikan orang-orang Trengganu. Tak hairanlah kalau kita dengar baru-baru ini dalam surat khabar beribu-ribu belia dari Trengganu berhijrah ke Singapura. Tak ada kerja yang mereka hendak buat di sana dan pihak pelabur-pelabur pun tak ingin hendak buat kilang-kilang. Kalau buat kilang-kilang di sana dengan apa yang kita hendak bawa segala bahan-bahan yang diperlukan, bahan-bahan yang hendak digunakan, tidak ada kemudahan perhubungan dan sebagainya. Ini saya fikir patut Kementerian yang

berkenaan mengkaji kemungkinan mengadakan jalan keretapi di negeri Trengganu. Walaupun saya bukan orang Trengganu, tetapi saya rasa sedih, dan saya sangat simpati dengan rakyat negeri Trengganu.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala P. 61—Perkhidmatan Pos, muka surat 430 Pecahan-kepala I mengenai bangunan Pejabat Pos di kawasan saya di Bayan Lepas. Bangunan itu sudah didirikan 40 tahun yang silam. Kawasan Bayan Lepas telah dibuat satu bandar baru. Penduduknya sudah bertambah menjadi 40,000 orang. Luas kawasan pekerja-pekerja Pejabat Pos itu tidak lebih dari 200 kaki persegi: 20×10 . Tuan-tuan boleh bayangkan bagaimana sempitnya kawasan pejabat itu: 20×10 . Kalau kita pergi pada akhir-akhir bulan, beratus-ratus manusia. Satu hari saya pun hairan, melihat mereka terlalu ramai menunggu. Rupa-rupanya orang-orang yang menunggu pencen, balu-balu perajurit, isteri-isteri perajurit hendak ambil wang gaji mereka terpaksa beratur. Kalau kita hendak minta tambahan kakitangan pun di mana kita hendak letakkan, ruangan pejabatnya terlalu sempit. Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan tolong berikan sedikit perbelanjaan untuk membuat satu bangunan Pejabat Pos yang baru untuk memberi perkhidmatan kepada 30 ribu penduduk dan jangan lupa Pejabat Pos tadi berhampiran dengan lapangan terbang yang baru yang akan memakan belanja \$80 juta. Jadi Pejabat Pos masih lama itu tidak sesuai lagi dengan keadaan zaman ini.

Saya beralih kepada Kepala P. 56, Pecahan-kepala 1, muka surat 396. Saya suka juga menyentuh tentang penerbangan awam. Saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli dari Tanjung Karang mengenai layanan kakitangan di lapangan terbang Subang. Apa yang saya hendak tegaskan di sini masalah bilik tempat menanti, bilik penumpang menunggu sebelum menaiki kapal terbang. Kalau kita pergi menengok bilik itu terlampau sempit lubangnyanya. Penumpang penuh, kadang-kadang terpaksa berdiri. Yang lebih kesal lagi kalau kapal terbang itu terlewat dari jadual. Saya biasa berdiri 4 jam kerana kapal terbang itu lewat, kononnya ada panggilan talipon mengatakan ada bom dalam kapal terbang itu. Daripada pukul 9 malam saya tunggu sampai pukul 1.30 pagi tak ada tempat hendak duduk, penumpang makin bertambah, sebab ada kapal terbang yang

baru turun. Penumpang bertambah menunggu kapal terbang yang akan terbang ke lain-lain tempat. Ini saya fikir satu perkara yang amat memalukan Kerajaan kita, sebuah lapangan terbang antarabangsa di negara kita begitu sempit dan tak menyenangkan. Kerusi-kerusi yang disediakan sudah lama dan lapuk, patut juga ditukar. Saya bimbang kalau kita biar juga keadaan begini nanti ramai pelancung tak suka singgah di lapangan terbang kita. Tandasnya pula kita sedia maklum apabila dibuka oleh seorang yang masuk dalam tandas, udara keluar yang hampir dengan tandas. Teruk sangat baunya. Ini patut sangat diambil perhatian berat, kalau kita hendak menarik ramai lagi penumpang menaiki kapal terbang dan singgah di lapangan terbang kita. Kita kena sediakan tempat yang lebih selesa dan tempat yang lebih baik.

Satu perkara lagi dalam hubungan ini juga masala kakitangan yang memeriksa keselamatan, hendak memeriksa samada penumpang itu membawa senjata atau tidak. Biasanya bila kita masuk di tempat menunggu dan bila kita hendak naik kapal terbang, baru diadakan pemeriksaan keselamatan. Jadi kelam-kabut sebab penumpang semua berebut hendak menaiki kapal terbang dan di situlah baru diadakan pemeriksaan keselamatan. Saya fikir tak sesuai, maka saya cadangkan sebelum kita masuk ke bilik tempat menunggu itu, kita adakan dahulu pemeriksaan keselamatan, kemudian benarkan penumpang duduk menunggu dan bila kapal terbang hendak terbang, dengan mudah dan tidak ada gangguan lagi, penumpang boleh terus menaiki kapal terbang.

Itulah perkara-perkara yang saya hendak cakapkan dalam peruntukan Kementerian Perhubungan ini dan akhirnya saya menyokong penuh peruntukan yang diminta.

5.14 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan Kepala B. 55—Perancangan. Saya juga mengucapkan tahniah di atas kejayaan keretapi di samping itu untuk mendapat kejayaan lagi, saya rasa patut juga dikaji semula dalam beberapa hal.

Saya amat dukacita bila saya balik dari Kuala Lumpur sampai ke Bukit Mertajam, seolah-olah orang-orang di Utara Malaysia

ini kalau saya kata hendak dianak-tirikan oleh Kementerian Perhubungan itu tidaklah berpatutan, tetapi lain daripada perkataan itu tak dapatlah saya gunakan. Sebabnya, ada dua keretapi yang datang dari Kuala Lumpur pada pukul 8.00 malam dan sampai di Butterworth melalui Kepala Batas pukul 7.00 pagi. Pukul 9.30 malam sebuah keretapi dari Kuala Lumpur terus ke Butterworth, bila sampai waktu pagi di Kepala Batas di antara dua keretapi yang membawa banyak penumpang dalam gerabak begitu panjang iaitu kelas 1 hingga 3 dengan dua masa yang saya sebutkan tadi dengan ada satu keretapi railcar yang kecil yang tak lebih dari dua gerabak, maka naiklah manusia-manusia termasuklah saya atau siapa sahaja daripada Bukit Mertajam ke utara dengan penuh bersesak seperti ikan sadin. Tetapi dari Kuala Lumpur amat selesa. Maka saya harap perkara ini dikaji semula. Kalau hendak dibagi satu kepala keretapi ke utara sebelah pagi, itupun biarlah keretapi yang agak panjang sedikit dan kalau boleh masanya itu patutlah diubah-suaikan. Kadang-kadang pada pukul 8.00 malam dari Kuala Lumpur ke Bukit Mertajam pukul 7.00 pagi baru hendak bertolak dari Bukit Mertajam ke utara, terpaksa orang yang menaiki keretapi kelas 3 tadi menunggu sampai dua jam daripada pukul 5 hingga pukul 7.00 pagi di stesyen keretapi Bukit Mertajam. Ini patut lagi dibuat kajian.

Mengenai perjalanan keretapi di masa cuti sekolah walaupun perkara ini sudah ada sedikit perubahan, masih ada lagi kekurangan di masa cuti dan hari kebesaran yang sangat banyak penumpang bersesak, kerana waktu itu memang sibuk. Jadi di masa perayaan, saya berharap Keretapi Tanah Melayu akan menambahkan lagi perjalanan dan menambahkan gerabak di masa yang berkenaan.

Saya berasa dukacita kerana keretapi menggunakan landasan. Walaupun sebelum keretapi itu berlepas, ada Station Master di tiap-tiap stesyen keretapi memberi hukuman tetapi masih berlaku pelanggaran. Masaalah ini amat memalukan. Kalau di jalanraya kita boleh berjalan begitu sedap, tidaklah hairan kiranya berlaku pelanggaran, tetapi bagi keretapi berjalan mengikut aturan pun boleh melanggar, saya fikir perkara ini patut dikaji.

Mengenai B. 55 juga tentang menambah kepala keretapi diesel. Saya ucapkan tahniah tetapi saya berharap pihak Jabatan Keretapi hendaklah berikhtiar mencari keretapi yang lebih laju lagi. Saya terbaca dalam akhbar mengatakan di London, kalau tak silap saya, banyak orang yang ingin menaiki keretapi daripada menaiki kapal-terbang, kerana manusia ingin kepada satu benda yang laju, dan manusia di zaman kemajuan dia hendak pergi seberapa deras yang boleh. Kalau benda itu lebih laju, dia naik walaupun bayarannya mahal. Saya berpendapat patutlah Kementerian yang berkenaan mencari jalan memesan kepala keretapi ataupun enjin keretapi yang lebih laju daripada apa yang ada pada hari ini.

Mengenai Kepada P. 55, Pecahan-kepala 16—mengkaji berkenaan dengan jambatan-jambatan. Di Perlis, negeri yang kecil, jambatannya tak banyak, tetapi yang menghairankan saya, saya percaya orang lain pun hairan, ada tempat yang tak begitu sesuai dibuat jambatan, diadakan juga jambatan. Dan ada tempat yang sesuai di buat jambatan, tak dibuat jambatan.

Ada satu tempat di Perlis, satu jalan daripada Arau ke Tampong Tulang atau ke Simpang Empat yang jauhnya lapan batu, kenderaan ke jalan yang berkenaan paling kerap pukul rata $\frac{1}{2}$ jam satu, dibuatnya jambatan, tetapi jalan ke Kangar ada satu tempat Batas Liku namanya yang selalu kenderaan berjalan tidak berhenti, tetapi tempat itu tidak dibuat jambatan. Jadi saya hairan sikap Kementerian Perhubungan khususnya Jabatan Keretapi, kalau dikatakan tak mengkaji perkara ini, saya fikir harus sudah dikaji tetapi patutlah dikaji semula. Jalan Arau ke Kangar kalau difikirkan menasabah daripada apa yang dibuat di Jalan Tampong Tulang amatlah menasabah Jalan Arau/Kangar patut dibuat jambatan. Apabila datang keretapi, terpaksa berhenti begitu banyak, tetapi Jalan Tampong Tulang kalau sudah dibuat gate sekalipun satu kereta tidak menanti dan tempat itu dibuat jambatan ini patutlah dikaji semula.

Pada 29 haribulan yang lepas semasa Timbalan Perdana Menteri datang melawat ke Perlis, itu saya berasa syukur, sambil melawak dengan Timbalan Perdana Menteri, sebelah pagi saya telah kena tahanan di gate keretapi, kerana keretapi hendak lalu, bila Timbalan Perdana Menteri lalu, gate keretapi itu kena nanti sampai gate itu dibuka. Dengan

sebab itu, saya berharap ianya dikaji semula. Tetapi ada tempat yang bersesuaian seperti di Stesyen Bukit Keteri walaupun tempat itu di masa yang silam, kenderaan tidak begitu banyak, tetapi memandangkan perusahaan gula dan kilang simin hari ini boleh dikatakan amat banyak kenderaan lalu, menasabah dibuat di situ. Tetapi yang menghairankan saya, sudah setahun lebih ditetapkan tempat itu hendak dibuat jambatan, ada setengah-setengah kedai yang berhampiran disuruh pindah, ada yang dapat peluang baik diberi wang saguhati dan sebagainya, tetapi sampai hari ini jambatan itu, saya pun tak tahu, saya takut kalau jambatan itu lambat dibuat memandangkan kepada dua industri iaitu kilang gula dan kilang simin, kenderaan boleh dikatakan banyak lalu-lalang di situ.

Tuan Pengerusi: Ini jambatan menyeberang sungaika atau apa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Jambatan keretapi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Menyeberang parit atau sungai?

Tuan Shaari bin Jusoh: Menyeberang ikut atas, landasan keretapi. Jadi saya harap mendapat kajian atau perhatian Kementerian yang berkenaan.

Bercakap tentang Kepala B. 56—Penerbangan Awam. Saya berasa dukacita tentang penerbangan awam semasa penerbangan kapalterbang. Saya tidak ada perasaan menuduh atau dengki hati tetapi ingin keadilan, kita hendak kepada tiap-tiap orang. Penerbangan kapalterbang daripada Kuala Lumpur ke utara, Perlis tidak ada tetapi ke utara khususnya termasuk Pulau Pinang, walaupun saya orang Perlis tetapi di segi penerbangan, semasa penerbangan kapalterbang tambang murah. Seolah-olah peluang ini diberi semata-mata untuk penduduk di Kuala Lumpur dan di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Kalau seorang daripada Kuala Lumpur untuk bekerja sebelah pagi di Pulau Pinang ataupun di Seberang Perai amatlah mudah, kerana ada kapalterbang pagi yang terbang dari sini pada pukul 6.00 pagi ke Pulau Pinang: kemudian pukul 10.00 malam pula

Tuan Pengerusi: Pukul 6.15 pagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, pukul 6.15 pagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi, Saya jarang naik, tetapi itulah kalau tak silap saya

sebelah pagi pukul 6.15 pagi. Jadi sangat senang untuk orang-orang di Kuala Lumpur bekerja di Pulau Pinang dan sebaliknya yang berhampiran dengannya. Dan sebelah malamnya pukul 10.00 malam, kalau tak silap saya, saya tidak tahu dengan tepat seorang dengan ada masa rehat terbang balik pula daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Bagi kami di utara, peluang yang macam itu tak ada. Kalau tak ada pun kena datang malam dan terpaksa tidur di Kuala Lumpur. Jadi kalau didaraf 2×5 dengan 5×2 adalah sama dengan naik kapalterbang mahal itu juga, kita terpaksa tidur. Ini patutlah dibuat kajian. Kalau tak selalu pun, peluang itu patutlah diberi kepada orang utara sama. Juga, saya berharap penerbangan ini juga patut dibanyakkan dan diadakan sampai ke Alor Star, dan patut diluaskan lagi penerbangan atau lapanganterbang ke Alor Star, janganlah untuk boleh dinaikkan kapalterbang yang kecil yang pakai kipas sahaja, kadang-kadang pening dan masanya pun sangat terhad.

Saya percaya tiap-tiap seorang yang hendak naik kapalterbang, dia buat kajian, katalah orang Perlis. Walaupun perjalanan kapalterbang itu terlampau cepat tetapi dengan menaiki motokar daripada Perlis atau daripada Alor Star ke Bayan Lepas, apatah lagi untuk sampai ke Bayan Lepas melalui berbagai-bagai jalan-jalan darat dan jalan laut. Kadang-kadang kita lebih deras dengan motokar sampai ke jeti di laut; kalau tak ada keretapi, kita tak boleh langgar, kita kena bersabar. Ini kadang-kadang menghalang juga, apatah lagi kapalterbang, sebagaimana yang disuarakan oleh saudara saya dari Sarawak tadi kita lambat 5 minit, dia ambil tindakan. Kalau dia lambat 4 jam dibiarkan dan ini patutlah dikaji. Kadang-kadang kalau lewat 5 minit pun, kalau tangga kapalterbang itu tidak diangkat lagi, berilah peluang kepada si hamba Allah yang lari 100 batu sejam, kerana lewat 5 minit sedangkan tangga belum naik, dia kata tidak boleh—sudah lewat. Kalau keadaan keselamatan terjamin kerana lewat 5 minit itu patutlah diberi. Saya jarang naik tetapi sekali-sekala biasa juga saya terlambat 15 minit, dia kata tak boleh walhal tangga kapalterbang itu belum dinaikkan. Kalau hendak beri peluang ada lagi, tetapi apakah daya yang berkuasa ialah lapanganterbang. Kita yang hendak naik ini kenalah patuh. Dengan sebab itu, saya berharap patutlah penerbangan ini dibanyakkan di Alor Star. Saya tak minta di Perlis, kerana Perlis itu negerinya kecil sangat, tetapi bila

ada lapanganterbang Alor Star, itupun seolah-olah bagi kami di Perlis macam ada juga.

Kita tahu lapangan terbang bukan boleh dibuat tempat itu satu, tempat ini satu, tetapi biar ketentuan. Kadang-kadang bila kita hendak lari naik kapalterbang mengambil masa dua jam. Bagi saya, dari Perlis kadang-kadang lebih baik naik motokar ke Pulau Pinang, hendak tunggu lama sangat. Jadi masa hendak lalu ke lapanganterbang ada $\frac{1}{3}$ dan yang hendak naik ke lapanganterbang ada $\frac{2}{3}$; bila didaraf dengan tunggu kapalterbang, tak lebih daripada satu jam dengan motokar, apatah lagi dengan motokar Mercedes 280S agak saya tak berbeza. Dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya menambah masa penerbangan di Alor Star dan kalau boleh tambah kapalterbang yang menggunakan B 737 dan jangan gunakan yang kecil. Terima kasih.

5.38 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Kepala B. 62—Jabatan Talikom dan di samping itu saya ingin menyokong sedikit apa yang telah dilafazkan oleh rakan saya dari Sungai Besi. Atas perkara perkhidmatan talipon izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada sungutan orang ramai khususnya di dalam kawasan saya Kuala Lumpur Bandar terhadap Jabatan Talikom mengenai dua masaalah utama: yang pertama, kesukaran untuk mendapat talipon dengan secepat yang mungkin, dan yang kedua mengenai perkhidmatan selepas penyewaan talipon yang tidak begitu memuaskan.

Tuan Pengerusi, orang ramai telah dijanjikan lebih kurang 500,000 kawat talipon menjelang tahun 1980, sebagai satu usaha bagi mengatasi penimbunan permohonan talipon yang besar yang dianggap sebagai satu keperluan dalam kehidupan zaman yang moden ini. Menurut pengetahuan saya terdapat lebih daripada 12,000 pemohon-pemohon talipon di dalam senarai menunggu di Wilayah Persekutuan. Kebanyakan daripada mereka ialah saudagar-saudagar atau peniaga-peniaga yang sangat-sangat memerlukan perkhidmatan talipon untuk tujuan perniagaan dan kebanyakan mereka juga telah memohon lebih kurang dua hingga tiga

tahun yang lepas, tetapi setiap kali pemohon-pemohon membuat permintaan mengenai perkhidmatan talipon, mereka diberitahu bahawa kawat tak cukup, cable tak cukup dan oleh kerana ini talipon tidak dapat dipasang untuk kegunaan mereka.

Tuan Pengerusi, berapa lamakah pemohon-pemohon dikehendaki menunggu sebelum mereka dapat memperolehi talipon khasnya untuk tujuan-tujuan perniagaan. Saya berharap bahawa Jabatan Talikom akan mengambil perhatian berat tentang hal ini dan juga akan mengambil langkah-langkah dan cara-cara yang positif supaya dapat mengatasi masalah besar ini yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam kawasan saya.

Mengenai perkara kerosakan talipon, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada sungutan-sungutan orang ramai berkaitan dengan ketidak puasan hati mereka apabila mereka melapurkan kepada Jabatan Talikom untuk memperbaiki talipon mereka yang telah rosak. Sungutan-sungutan ini berpunca daripada kelambatan atau kelewatan Jabatan Talikom untuk memperbaiki talipon rosak itu. Sungguh pun pengguna-pengguna talipon (subscribers) telah melapurkan beberapa kali kepada Jabatan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, setiap kali mereka melapurkan kepada Jabatan Talikom apabila talipon mereka telah rosak, mereka diberi satu nombor pengaduan (complaint number) tetapi sungguhpun mereka telah melapurkan banyak kali akan tetapi tindakan tidak ada diambil atau sangat lewat diambil untuk memperbaiki talipon itu. Tuan Pengerusi, sebaliknya sekiranya pengguna-pengguna talipon tidak membayar bil-bil talipon itu, tindakan akan terus diambil untuk memotong perkhidmatan talipon mereka. Saya berharap bahawa Jabatan Talikom ini juga akan mengambil berat tentang hal ini dan akan mencari jalan-jalan yang lebih wajar yang lebih sesuai untuk mengatasi problem ini.

Perkara kedua yang saya ingin menyentuh sedikit ialah berkenaan Kepala B. 61 ialah berkenaan dengan Perkhidmatan Pos dan mengenai hal ini saya ingin membuat satu cadangan sahaja, iaitu ialah saya berharap bahawa Jabatan Pos dapat mengadakan Pejabat Pos Mini di tiap-tiap estet perumahan di dalam Wilayah Persekutuan untuk kemudahan penduduk-penduduk di sana. Saya harap bahawa Jabatan Pos akan memberi pertimbangan ke atas cadangan saya oleh

kerana saya yakin sekiranya Pejabat Pos dapat mengadakan Pos Mini di tiap-tiap estet perumahan, penduduk-penduduk di sana akan mengalu-alukannya.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan seterusnya saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.45 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbahasan mengenai peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan ini, saya hanya suka mengambil bahagian sedikit sahaja. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan saya dari Balik Pulau, Pulau Pinang yang telah menyuarakan dengan bersungguh-sungguh mengenai dengan keretapi yang sepatutnya dibawa ke Trengganu. Sebenarnya kami dari Trengganu ini sudah beberapa kali bercakap berkenaan hal ini dan sekarang ini berasa segan atau pun malu hendak bercakap tiap-tiap kali perkara ini apabila boleh bercakap hendak bercakap, sebab memanglah sudah menjadi nasib orang-orang Trengganu bahawa dalam seluruh negeri yang ada dalam Malaysia, Trengganu sahaja tidak ada keretapi itu sudah menjadi nasiblah. Cuma satu yang saya mengharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu menganggarkan akan apa yang disuarakan oleh rakan saya dari Balik Pulau, Pulau Pinang itu yang begitu sekali merasai kekeciwaan ini anggapkanlah apa yang disuarakan itu sama dengan apa yang hendak disuarakan oleh wakil-wakil dari Trengganu dan saya tidak hendak menambah apa-apa.

Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak menyebut sedikit mengenai Kepala B. 58 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2) Ramalan Kaji Cuaca. Saya sebenarnya dalam amalan yang diamalkan sekarang ini diumumkan kaji cuaca, kaji udara setiap hari, atau pun setiap malam melalui radio dan TV, itu saya rasa bangga dan mengucapkan terima kasih. Tetapi satu perkara yang saya suka memberi pandangan saya dalam Dewan ini mengenai nasib kaum nelayan khususnya di Pantai Timor boleh dikatakan hampir setiap tahun ada beberapa orang yang hilang dan beberapa orang pula yang terkandas di lautan kerana mereka itu turun ke laut dan terkena cuaca yang tidak baik dan ombak yang besar.

Walau pun saya menyedari bahawa pihak Kaji Cuaca telah mengumumkan awal-awal lagi mengenai keadaan cuaca tetapi kita sedia maklum bahawa kaum nelayan pada umumnya mereka itu mata pencarian mereka itu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang apabila merasai keadaan terdesak dan rasa keadaan itu agak-agak rasa menyenangkan sedikit sudah tentu mereka akan turun ke laut.

Dalam hal ini, saya suka lah mencadangkan di sini supaya Kementerian yang berkenaan mengkaji suatu cara atau pun suatu peraturan yang membolehkan supaya keadaan cuaca dan keadaan udara itu memang betul-betul merbahaya dibuatkan satu peraturan yang seboleh-bolehnya menyekat nelayan-nelayan itu daripada turun ke laut bagi menyelamatkan nyawa mereka itu sendiri. Walaupun kita menyedari bahawa masalah ini sukar sebagaimana sukarnya Kementerian Kerjaya umpamanya hendak menyekat pemandu-pemandu kereta itu daripada membawa kereta dengan tidak mengikut peraturan dan selalu melanggar dan sebagainya, saya menyedari hal ini, walau bagaimana pun perlu saya rasa dibuat peraturan khas yang menyekat mereka itu daripada turun ke laut, sebab apabila mereka itu terkandas dengan hujan ribut atau ombak yang besar di lautan maka inilah yang selalu kita dengar umpamanya pada tahun ini sahaja pun sudah beberapa kali yang hanyut, yang terkena ribut dan yang hilang pun juga terdengar. Ini berlaku tiap-tiap tahun, Tuan Pengerusi. Ini harus dikaji serta diselidik dan kalau perlu harus dibuat satu peraturan yang khusus supaya menyelamatkan kaum-kaum nelayan ini daripada terkena mala-petaka ataupun hilang di laut.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya suka juga menyebut sedikit mengenai Kepala B. 61, Pecahan-kepala 1100 mengenai Aktiviti (3)—Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Dalam perkhidmatan pos ini walaupun kita menyedari bahawa banyak wakil-wakil pos yang ada hampir di seluruh kampung yang besar, tetapi satu perkara yang saya suka menarik perhatian Kementerian ini ialah mengenai wakil-wakil pos yang berada diperkampungan baru ataupun di rancangan-rancangan FELDA, yang kebanyakannya saya menyedari ada wakil-wakil pos. Kalau rancangan-rancangan itu agak besar, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya dinaikkan tarafnya kepada pejabat pos.

Umpamanya, kalau di kawasan saya di Sungai Tong walaupun dahulunya kawasan hutan belantara, tetapi apabila Kerajaan melalui S.E.D.C. mengadakan projek kelapa sawit dan sekarang inipun masih belum mempunyai pejabat pos, hanya ada wakil pos sahaja, sedangkan penduduknya saya anggarkan sekarang ini pada keseluruhan sudah berpuluh-puluh ribu. Saya fikir memang layak diadakan satu pejabat pos di sana bagi keperluan penduduk-penduduk di sana. Jadi tempat-tempat seperti inilah saya merayu kepada pihak yang berkenaan khususnya mengenai perancangan projek ini supaya difikirkan tempat-tempat seperti ini segera diadakan pejabat pos bagi memenuhi keperluan orang ramai di tempat-tempat yang penduduknya ramai.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga di sini mengingatkan kembali walaupun saya masih ingat saya telah menyebutkan perkara ini dahulu dalam Dewan ini dan juga pernah saya sebut di luar Dewan mengenai janji yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sendiri waktu beliau melawat Trengganu dua tahun yang lepas kalau tidak silap saya dan juga oleh Allahyarham Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan pada masa itu pun beberapa kali beliau telah mengeluarkan kenyataan dan memberi kesanggupan untuk memenuhi satu permohonan mengenai Jabatan Talikom ini yang telah dijanjikan. Saya menerima janji itu dengan baik dan saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang telah memberi janji di hadapan wakil State dan juga di hadapan rakyat daripada kawasan itu yang hendak disegerakan supaya diberi priority untuk membekalkan satu talipon kepada orang ramai di Sungei Tong di dalam kawasan saya yang pada masa ini boleh dianggap menjadi pusat kepada penduduk-penduduk di kawasan itu.

Saya memanglah berkehendakkan kepada janji itu kerana janji itu dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Sekarang ini saya menyebelah Yang Berhormat Menteri, jadi saya hendak membelalah Menteri. Kalau sekiranya rakyat mengatakan Yang Berhormat Menteri sendiri janji bohong, saya mengakulah hendak membela dengan beberapa alasan dengan mengatakan bukannya Menteri bohong dan sebagainya untuk mengelakkan supaya rakyat tidak mengatakan bohong, sebab kita tidak sedap mendengar sedemikian. Tetapi oleh kerana di sini saya berdepan

dengan Menteri saya terpaksa menyebelah kepada rakyat merayu supaya janji ini dipenuhi segera. Walaupun peruntukan itu telah dilapurkan kalau tidak silap saya telah pun dikemukakan kepada pihak yang berkenaan daripada Jabatan Talikom, Trengganu tetapi saya cuma hendak rayu sekali lagi dan mungkin kalau perkara ini tidak dipenuhi, saya tidak malu-malu dalam masaalah ini akan rayu beberapa kali supaya dipenuhi. Bagi saya sebagai wakil rakyat di dalam kawasan yang berkenaan merasa amat berat sekiranya tuduhan-tuduhan dilemparkan kepada Kerajaan kita, khususnya kepada Menteri-menteri kita mengenai janji-janji yang dikeluarkan sendiri yang mana saya telah dengar dan saksi bukannya melalui suratkhbar ataupun sebagainya. Perkara-perkara seperti ini walaupun kecil, tidak menasabah kalau hendak dicakapkan di sini, tetapi perkara yang kecil ini apabila terkena pada tempat yang berkenaan akan menjadi besar.

Tuan Pengerusi, saya suka merayu dan memohon dengan sungguh-sungguh supaya mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan khususnya.

Tuan Pengerusi: Cara merayu hendaklah pandai.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Ya, kerja kita ini merayu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya rasa itulah sahaja.

5.57 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong di atas permohonan belanjawan bagi Kementerian ini. Dalam pada itu saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai dua tiga perkara. Perkara-perkara ini bukanlah perkara besar tetapi ialah perkara kecil, sungguhpun perkara kecil tetapi pada fikiran saya elok dibawa ke Dewan yang mulia ini kerana lazimnya perkara-perkara yang kecil ini jarang sampai kepada pengetahuan Menteri, penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai beliau, terutama sekali di Kementerian, kerana di sini maklumlah pejabat hawa dingin, jadi kadang-kadang keluhan rakyat marhin itu kurang didengar dan kurang dinampak.

Yang pertama, pada fikiran saya elok dalam perkara Kepala B. 61, Pecahan-kepala

1100 berkaitan dengan Perkhidmatan Pos. Pada fikiran saya elok juga ditambah lagi pejabat pos di kawasan-kawasan luar bandar, pekan-pekan di luar bandar kerana yang kita dapati sekarang pejabat pos cuma didirikan di pekan-pekan besar dan masaalah akan timbul apabila masyarakat ataupun rakyat daripada luar bandar hendak datang ke pejabat pos untuk menggunakan perkhidmatan pos umpamanya pencen sebulan sekali. Ini bermakna bahawa mereka ini terpaksa mengorbankan sehari kerja untuk mendapat perkhidmatan pos. Oleh sebab itu, saya minta supaya ditambahkan lagi pejabat pos di kawasan pekan kecil terutama sekali di kawasan saya sendiri di mana 100% ialah kawasan luar bandar, sungguhpun luar bandar masyarakat tidak begitu kecil.

Lagi satu berkaitan dengan pegawai-pegawai samada betul atau tidak, samada ini dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau tidak perkara-perkara yang kecil-kecil kadang-kadang segan hendak sebut di sini dibesar-besarkan. Misalnya, hendak menempatkan pos bergerak di mana mobile post itu hendak berhenti, kemahuan pegawai pos ialah di depan wakil pos, tepi jalan dengan selekoh, kemahuan masyarakat di situ biarlah ke dalam sedikit kerana mengurangkan bahaya tetapi apa yang di jawab: ini mesti dapat arahan daripada pengarah. Adakah perkara-perkara kecil ini pun mesti dapat arahan daripada pengarah? Bukan hendak dirikan satu Pejabat Pos, tetapi hendak menentukan di manakah pos bergerak ini berhenti. Itu pun mengikut daripada Pegawai Pos mesti dapat arahan daripada Pengarah Pos. Kalau ini benar pada fikiran saya patut ditukarkan kerana perkara titik-begik ini tidak patut mendapat kelulusan daripada pegawai yang begitu tinggi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Aktiviti (7) dalam Pecahan-kepala 1100 iaitu berkenaan dengan wang simpanan. Apa yang berlaku sekarang apabila penyimpan itu meninggal dunia dan tidak ada sebut penama dan sebagainya, maka jika wang simpanan itu lebih daripada \$750 terpaksa kuasa mesti diambil. Ini menimbulkan satu masaalah yang amat besar terutama sekali kepada mereka yang tidak ada harta lain daripada simpanan yang lebih daripada \$750. Yang ada sekarang kalau kurang daripada \$750 dikecualikan daripada mengambil surat kuasa mentadbir harta. Jadi

saya menyeru kepada Kementerian ini supaya meninggikan angka ini kepada \$2,000 kerana ini akan mengurangkan beban dan juga belanja untuk hendak mengambil surat kuasa dan sebagainya, dan ini tidak akan mendatangkan kerumitan yang amat sangat kepada Jabatan yang berkenaan dan juga kepada Kementerian yang berkenaan asalkan orang yang menerima wang itu disahkan sebagai waris si mati tanpa mengambil surat kuasa mentadbir harta.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 62—Jabatan Talikom. Ini juga perkara kecil-kecil yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Misalnya, sekarang di kawasan saya sendiri daripada pekan Penanti ke pekan Bukit Mertajam $2\frac{1}{2}$ batu, tetapi apabila kita hendak bercakap melalui talipon lebih cepat kita pergi dengan basikal dan balik daripada menggunakan talipon. Di mana salahnya saya tidak tahu; Tuhan sahajalah yang maha mengetahui. Dan juga kadang-kadang suara tidak terang apa sebab di mana salahnya? Sehingga saya biasa bercakap daripada New York ke Bukit Mertajam lebih terang daripada bercakap daripada pekan Penanti ke Bukit Mertajam. Di mana salahnya? Saya harap perkara ini akan diambil berat oleh Kementerian ini.

Sekarang Kerajaan mengalakkan penubuhan Sekim Rukun Tetangga. Apabila ada sekim Rukun Tetangga perkara yang mustahak sekali ialah talipon. Jadi apabila dipohonkan supaya diadakan public telephone di depan pondok Rukun Tetangga di jawabkan oleh Jabatan Talikom ini, talipon tidak ada sekarang. Sudah diluluskan—tetapi tidak ada. Benar atau tidaknya perkara ini saya harap Menteri yang berkenaan akan menjelaskannya dalam Dewan yang mulia ini. Satu talipon tidak ada—out of stock!

Satu masaalah kecil iaitu kemusnahan jalan-jalanraya oleh Jabatan Talikom. Ini mungkin satu perkara yang elok kerana untuk memasang pesawat-pesawat, wayar-wayar dan sebagainya dan mengikut Timbalan Menteri perkara ini kadang-kadang diserahkan kepada kontraktor-kontraktor. Memang elok. Tetapi yang menjadi masaalahnya apakah salahnya disyaratkan kepada kontraktor-kontraktor ini supaya apabila menjalankan tugas-tugas memusnahkan jalan-jalan ini ditentukan supaya keselamatan jalanraya dan lalu lintas diutamakan. Setakat membubuh hurricane lamp di tengah-tengah

jalan itu tidak memadai. Mungkin lebih elok apabila satu-satu jalan itu terlampau sesak disyaratkan supaya kontraktor-kontraktor ini menempatkan seorang jaga di situ. Dan apabila masaalah ini diatasi timbul lagi satu masaalah iaitu apabila pesawat-pesawat ini sudah siap dipasang, kontraktor-kontraktor itu kambus dengan tanah biasa, dia tinggalkan—kerjanya sudah siap. Jadi timbullah berlopak-lopak di jalan-jalan ini sehingga di kawasan saya sendiri sudah berapa nyawa telah hilang akibat daripada perkara ini. Apakah tidak elok disyaratkan supaya kontraktor-kontraktor ini tidak boleh dianggap kerjanya siap kecuali jalan-jalan yang dimusnahkan diperelok semula seperti sedia kala. Dan selagi perkara ini tidak diselesaikan, pihak Jabatan tidak patut menyerahkan atau membayar apa-apa yang mesti dikehendaki.

Ini lah sedikit sebanyak, Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang kecil yang saya ingin membawa kepada perhatian Kementerian dan saya harap perkara-perkara ini boleh diatasi kerana mustahil sangat perkara ini tidak dapat diatasi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.07 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Perhubungan, Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, Badan-badan Berkanun, mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan teguran-teguran yang membina kepada Kementerian ini dan ada diantara Yang Berhormat mengucapkan tahniah diatas kejayaan setengah-setengah Jabatan di bawah Kementerian ini. Pada amnya, Kementerian ini memanglah sentiasa mengambil perhatian di atas teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, izinkanlah saya menjawab sedikit-sebanyak teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyebutkan masaalah lapanganterbang luar bandar di negeri Sarawak. Sebetulnya memanglah menjadi tujuan dan matlamat Kementerian ini semua lapanganterbang luar bandar di negeri Sarawak yang pada

masa ini pun sedang digunakan sebagai lapanganterbang-lapanganterbang untuk kapalterbang-kapalterbang kecil untuk dibaiki dari satu masa ke satu masa bukan sahaja berhubung dengan lapanganterbang itu tetapi juga kemungkinan kita menggantikan kapalterbang-kapalterbang kecil yang menggunakan lapanganterbang luar bandar di negeri Sarawak itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menyebutkan bahawa patutlah anak-anak negeri ini mengambil tempat kebanyakan pegawai-pegawai ekspatriat (expatriate) yang digunakan oleh MAS. Suka saya menegaskan ini memanglah menjadi cadangan dan tujuan utama MAS bahawasanya semua jawatan-jawatan yang sekarang ini dipegang oleh pegawai ekspatriat akan diambil alih oleh pegawai-pegawai anak negeri yang dari satu masa ke satu masa dihantar mengambil latihan baik dalam mahupun di luar negeri. Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat mengenai MAS seharusnya menjaga ataupun meminimalkan (minimise) perbelanjaan-perbelanjaan yang digunakan supaya MAS mendapat keuntungan yang lebih besar kerana menurut apa yang dikatakan oleh beliau keuntungan yang didapati oleh MAS dalam tahun yang lepas tidaklah begitu menguntungkan. Dalam masaalah ini sukalah saya menjelaskan bahawa sebab-sebab keuntungan MAS tidak begitu besar seperti apa yang didapati pada tahun 1974 ialah oleh kerana berbagai-bagai faktor yang terpaksa dihadapi oleh MAS. Pertama sekali ialah oleh kerana kenaikan harga minyak yang melambung tinggi yang terpaksa ditanggung oleh MAS. Demikian juga keadaan-keadaan inflasi yang telah berlaku sedikit sebanyak melibatkan kemampuan MAS untuk menggunakan perbelanjaan bagi membiayai penerbangan MAS.

Masaalah memberikan tiket-tiket percuma kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, saya rasa tidaklah menjadikan satu faktor yang menyebabkan kerugian besar kepada MAS kerana pemberian-pemberian tiket-tiket free kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri ini tidak sedikit pun mendatangkan kerugian kepada MAS dan walaupun barangkali kemudahan-kemudahan ini diberi sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa tidakpun sampai 50% daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri menggunakan kemudahan itu sehingga setakat ini.

Dalam bidang kejuruteraan, memanglah diakui banyak terdapat pegawai-pegawai ekspatriat dalam MAS. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana MAS baharu sahaja berusia kira-kira 4 atau 5 tahun, maka tentulah dalam jangka masa yang muda ini MAS masih belum mempunyai keupayaan mengadakan pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan kejuruteraan yang terdiri daripada anak negeri ini tetapi bagaimanapun dari satu masa ke satu masa kita sentiasa melatih belia-belie kita samada di dalam dan di luar negeri untuk mengambilalih jawatan-jawatan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani ada menyebutkan mengenai usaha-usaha membaiki landasan keretapi. Ini adalah memang menjadi tujuan dalam Rancangan Pembangunan Keretapi Tanah Melayu, salah satu daripada rancangan yang akan dilaksanakan ialah usaha-usaha untuk membaiki landasan-landasan yang ada sekarang ini. Kerana kita sedar bahawa landasan-landasan Keretapi Tanah Melayu yang ada sekarang ini memanglah telah tua maka perlu mendapat pembaikan supaya memberi jaminan yang lebih baik kepada keretapi. Tetapi mungkin selama ini keretapi tidak mempunyai kemampuan ataupun keupayaan maka masaalah ini tidaklah dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun oleh kerana Keretapi Tanah Melayu pada masa ini agak cerah masa depannya, kemungkinan pada masa-masa depan akan kita usahakan untuk membaikinya dari satu masa ke satu masa.

Berhubung dengan rumah tempat kediaman bagi pekerja-pekerja atau kakitangan keretapi, pihak Kementerian dan juga pihak Keretapi Tanah Melayu memang menyedari hakikat ini. Kementerian juga pihak Keretapi Tanah Melayu memanglah mengucapkan syukur kepada pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang juga sama-sama menyedari hakikat bahawa keadaan kemampuan keretapi pada masa yang lepas tidak ada walaupun niat dan cita-cita untuk membaiki masaalah ini ada kepada Keretapi Tanah Melayu. Barangkali kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri melihat dalam Rancangan Pembangunan Keretapi akan terdapat bahawa keretapi telah menguntukkan sebanyak \$5 juta bagi permulaan sebagai satu peruntukan yang dimaksudkan bagi membina rumah-rumah kepada pekerja-pekerja Keretapi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga meminta supaya diadakan sebuah pejabat

pos di Kuala Muda, saya bolehlah memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pejabat pos itu memanglah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam ada menyebutkan mengenai Bank Simpanan Nasional. Sepatutnya saya harus menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Bank Simpanan Nasional ini adalah satu Badan Berkanun yang tidak di bawah Jabatan Pos. Sebenarnya Jabatan Pos tidaklah bertanggungjawab mengenai Bank Simpanan Nasional ini. Tetapi walau bagaimanapun, Jabatan Pos memberikan khidmatnya sebagai wakil di Pejabat-pejabat Pos, memberikan pertolongan kepada Bank Simpanan Nasional ini sementara Bank Simpanan Nasional sendiri dapat mengadakan kakitangan-kakitangannya ataupun mengadakan tempat-tempatnya tersendiri. Walau bagaimanapun teguran ini saya sedialah mengambil perhatian dan kami akan rundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai Pejabat Pos di Pulau Pinang yang terdapat jawatan-jawatan kosong, suka-lah saya menyatakan memanglah dalam tahun 1974 dan 1975 semua jawatan-jawatan dibekukan maka terdapat beberapa jawatan kosong di Jabatan-jabatan Pos bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga di seluruh negara kita. Tetapi barangkali kalau Ahli Yang Berhormat itu menyiasat dalam masa seminggu dua ini tentulah Ahli Yang Berhormat itu dapat tahu bahawa jawatan-jawatan itu telahpun dipenuhkan.

Berhubung dengan kerani-kerani pos yang menjadi drebar Pos Bergerak, ini memanglah satu kebiasaan dalam tugas kerani yang bekerja dengan Pos Bergerak, kerana Pos Bergerak ini tidak ada menggunakan pemandu (driver) disebabkan Jabatan Pos memikirkan supaya seberapa boleh mengurangkan perbelanjaan yang sepatutnya digunakan oleh Jabatan itu.

Berhubung dengan Talikom Bukit Mertajam belum ada dialing system, saya rasa tentulah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam dan juga Yang Berhormat dari Permatang Pauh sedar rancangan itu sedang dijalankan sekarang ini dan mungkin mengambil masa 5 atau 6 bulan lagi baru keadaan ini dapat diatasi.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat ada menyentuh mengenai Lapanganterbang Senai

Johor yang tidak digunakan sepenuhnya pada hal kemudahan yang terdapat di Lapanganterbang itu adalah melengkap malah kalau dibandingkan dengan Lapanganterbang-lapanganterbang lain kemudahan-kemudahan di Lapanganterbang Senai lebih baik lagi. Masaalah ini memanglah disadari oleh Kementerian ini dan memanglah menjadi tujuan Jabatan Penerbangan Awam hendak menjadikan Lapanganterbang Senai itu sebagai pusat penerbangan kargo dan telahpun diterima beberapa permohonan daripada syarikat-syarikat yang cuba hendak menjalankan perkhidmatan kargo itu dan Kementerian pada hakikatnya memanglah menyetujui cadangan tersebut.

Mengenai apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat supaya dapat kiranya kapalterbang dari Kuching ke Kuala Lumpur ataupun dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur itu lebih banyak singgah di Lapanganterbang Senai, ini memang sedang dirancang.

Berhubung dengan kapalterbang haji minta diadakan perkhidmatan itu daripada Lapanganterbang Senai, ini adalah di luar tanggungjawab Kementerian ini kerana ini adalah urusan Tabung Haji. Demikian juga berhubung dengan permintaannya supaya Lapanganterbang Senai itu patut juga digunakan oleh TUDM dan Kelab Penerbangan.

Berhubung dengan Lapanganterbang Kuala Lumpur supaya dapat diperbaiki lagi kerana memandangkan keadaan yang sekarang ini lapanganterbang ini sudah menjadi sebok dan kecil, ini adalah menjadi rancangan Kementerian ini dan rancangan ini memanglah akan dilaksanakan seberapa cepat yang boleh bukan sahaja terminal di lapanganterbang itu hendak diperbesarkan tetapi juga beberapa kemudahan yang menasabah di lapanganterbang itu kerana memang kita sedar dalam jangka masa yang pendek sahaja, dalam jangka masa yang tidak lama lapanganterbang kita telah menjadi begitu kecil berbanding dengan penggunaan-penggunaan kapalterbang yang singgah di lapanganterbang itu pada masa ini.

Berhubung dengan Lapanganterbang Tanjung Labuh, ini sedang diberikan perhatian. Perkara ini telahpun saya beritahu kepada Ahli yang Berhormat itu.

Mengenai kemalangan-kemalangan kere-tapi, perkara ini dari satu masa ke satu masa sentiasa diberikan perhatian.

Pejabat Pos Batu Pahat sebagaimana disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, sebenarnya berhubung dengan perkara ini bolehlah saya katakan urusan untuk mendapatkan tanah di Batu Pahat bagi pembinaan sebuah pejabat pos baru sedang diusahakan dan diharapkan kita mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membolehkan pejabat pos mendapatkan sebidang tanah di Batu Pahat.

Berhubung dengan penyusunan Pegawai-pegawai Talikom di negeri Johor di mana terdapat banyak pegawai-pegawai yang mustahak dipindahkan ke Johor Bahru, ini adalah menjadi satu rancangan Jabatan Talikom kerana memandangkan perkembangan-perkembangan yang begitu pesat sedang berlaku dalam Jabatan Talikom ini dan memerlukan pegawai-pegawai yang berpengalaman dipusatkan di Johor Bahru supaya boleh menjalankan semua rancangan-rancangan pembangunan bagi seluruh negeri Johor.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menyentuh mengenai pembinaan rel/jalan keretapi bagi negeri Trengganu, demikian juga Ahli Yang Berhormat dari Besut. Dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa kajian sedang dijalankan berhubung dengan mengadakan jalan keretapi daripada Pelabuhan Kuantan ke Kuala Lumpur dan dalam kajian ini juga dimasukkan kemungkinan mengadakan jalan keretapi ke Trengganu Tengah. Saya berharap dengan adanya kajian ini sekiranya kajian itu memperakui keperluan itu maka rancangan itu akan dilaksanakan apabila sampai masanya.

Berhubung dengan peruntukan penerbangan keluar bandar sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, tidak ternampak cadangan "Besut" akan dijadikan salah sebuah lapangan terbang dalam peruntukan Pembangunan Kementerian ini. Saya rasa adalah tidak benar kerana ini jikalau dipandang dari peruntukan Pembangunan Penerbangan Luar Bandar akan terdapat di sana "Besut" adalah salah satu daripada tempat yang dicadangkan.

Berhubung dengan cadangan supaya posmen menggunakan motosikal menggantikan basikal, ini adalah satu rancangan jangka panjang Jabatan Pos. Dari satu masa ke satu masa kita berharap dapat menggantikan basikal-basikal yang digunakan oleh posmen-posmen pada masa ini kepada motosikal-motosikal.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai talipon yang pada masa ini bertambah-tambah banyak pemohon yang memohon tetapi masih tidak dapat ditunaikan, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya mengakui bahawa dalam masa sekarang ini sahaja tidak kurang daripada 20,000 permohonan yang menunggu talipon di Kuala Lumpur ini. Sukalah saya katakan kepada Ahli Yang Berhormat itu haruslah kita sedari bahawa selama ini kita telah menganggap talipon ini sebagai satu alat luxury tetapi dalam masa kebelakangan ini terutama sekali dalam zaman teknik ini maka talipon sudah menjadi necessity. Maka dalam masalah-masalah seperti ini rancangan-rancangan masa lepas sudah tidak dapat memenuhi keadaan keperluan-keperluan yang dikehendaki masa ini, tetapi kita berharap pada masa-masa depan setelah Jabatan Talikom menyertai sama dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Wilayah dan Jawatankuasa Perancang Pembangunan di Negeri-negeri, kita berharap Jabatan Talikom juga dapat mengikuti perkembangan-perkembangan pembangunan di negeri ini di mana talipon-talipon dikehendaki sama seperti mustahaknya api letrik dan air.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa ada terdapat berlaku rasuah dalam Jabatan Talikom, saya berharap benar mendapat kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat itu supaya tindakan-tindakan yang wajar dapat diambil, kerana sepanjang pengetahuan saya dalam Jabatan Talikom ada satu bahagian yang dikatakan Jabatan Penyiasatan. Jika sekiranya kenyataan-kenyataan dapat diberi kepada pihak Bahagian Penyiasatan di Jabatan Talikom dapatlah kiranya tindakan-tindakan diambil mengenai keadaan yang berlaku itu kerana kita juga memang mengakui bahawa kita tidak mahu berlakunya rasuah dalam Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi bagaimanapun kita berharap mendapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu memberikan kenyataan-kenyataan yang tepat.

Demikian juga tuduhannya mengenai adanya operator yang bekerjasama dengan ahli-ahli perniagaan yang menggunakan tugasnya dengan secara tidak betul, yakni memasukkan tuntutan-tuntutan dalam bil-bil talipon orang lain. Saya rasa perkara ini sukar kita hendak terima kerana saya sendiri menyaksikan sistem-sistem yang digunakan oleh Jabatan Talikom. Amat mudah boleh kita dapati

kesilapan-kesilapan itu dikesan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat menyampaikan bil-bil tuntutan yang dikatakan tidak tepat dan tidak betul itu kepada Jabatan Talikom. Jabatan Talikom boleh menyiasat dengan serta-merta.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada menyatakan supaya Keretapi Tanah Melayu patut mengadakan sistem-sistem commuter. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu harus sedar bahawa pada masa yang lepas-lepas dan pada masa inipun ada dijalankan sistem-sistem commuter itu tetapi dalam beberapa hal nampaknya kurang maju, kurang memberikan imbalan ekonomi kepada Jabatan Keretapi maka Jabatan Keretapi tidaklah begitu menggalakkan menggunakan sistem-sistem commuter di kawasan-kawasan di sekitar wilayah dan Kuala Lumpur ini.

Berhubung dengan stesyen keretapi patut dibaiki dan diindahkan sesuai dengan kedudukan pembangunan di ibu kota, masalah ini akan diambil perhatian dari satu masa ke satu masa. Demikian juga tempat-tempat menunggu ataupun bangku-bangku, kerusi-kerusi bagi tempat-tempat menunggu akan diberikan perhatian dan akan diperbaiki dari satu masa ke satu masa.

Berhubung dengan budi bahasa kakitangan Jabatan Penerbangan Awam yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu agak barangkali kurang tepat kerana di lapangan-terbang kita ini bukan semua kakitangan yang bertugas di situ kakitangan Jabatan Penerbangan Awam. Terdapat kakitangan dari berbagai-bagai Jabatan yang menjalankan tugas-tugas mereka di lapangan-terbang itu. Oleh yang demikian, sukarlah bagi saya hendak menentukan masalah ini, tetapi bagaimanapun seberapa yang dapat kita akan cuba perbaiki terutama sekali kepada kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian ini.

Berhubung dengan permohonannya supaya menurunkan tambang kapalterbang ke Mekah, suka saya menjelaskan dalam masalah menentukan tambang kapalterbang dari satu destinasi ke satu destinasi di luar negeri, bukan sahaja boleh ditentukan oleh kita ataupun MAS. Penentuan itu bergantung kepada penentuan Kerajaan ataupun negeri di mana kita perlu mendapat landing right. Jadi, tidaklah dapat kita hendak memikirkan

menurunkan tambang kapalterbang ke Mekah sekiranya pihak Kerajaan Saudi Arabia tidak mengizinkan tambang itu diturunkan.

Berhubung dengan membanyakkan hubungan di Timur Tengah, sukalah saya menyatakan memanglah dalam masa beberapa bulan yang kebelakangan ini perjanjian-perjanjian telahpun dibuat dengan beberapa buah Kerajaan Timur Tengah seperti Jordan, Iraq dan beberapa buah negeri lain di Timur Tengah.

Berhubung dengan talikom ke Tanjong Karang, tender telahpun dipanggil dan dipercayai barang-barang yang perlu akan dapat diterima beberapa bulan lagi dan usaha untuk mengadakan automatik exchange di Tanjong Karang akan dapat dijalankan.

Mengenai cadangan supaya Jabatan Pos patut membuat sekim membayar gaji, ini agak sukar saya hendak menentukan sebab apa yang dimaksudkan ada hubungan dengan Bank Simpanan Nasional.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar ada menyatakan tambang kapalterbang patutlah diturunkan agar berpatutan. Sukalah saya menyatakan di sini tambang-tambang yang ada sekarang ini adalah memang difikirkan oleh Kerajaan telah berpatutan. Pihak MAS tidaklah boleh menaikkan tambang penerbangan dalam negeri ini kecuali mendapat kelulusan daripada Kerajaan.

Berhubung dengan penerbangan yang tidak cukup yang terdapat di antara Kuching ke Singapura atau Kuching ke Kuala Lumpur, ini akan dikaji dari satu masa ke satu masa. Sekiranya masalah ini perlu, tambahan-tambahan akan dibuat.

Berhubung dengan permohonan Ahli Yang Berhormat itu supaya Ahli-ahli Parlimen diberikan perhatian oleh MAS, sukalah saya memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu saya akan cuba berunding dan menasihatkan pihak MAS supaya lebih memberikan perhatian kepada Ahli-ahli Parlimen yang perlu dalam keadaan-keadaan yang mustahak menggunakan kapalterbang. Walau bagaimanapun, atas kelewatan misalnya, tentulah sukar pihak penerbangan MAS hendak menunggu sekiranya Ahli Yang Berhormat lambat sampai pada waktu kapalterbang sepatutnya berlepas. Tetapi bagaimanapun kebiasaannya kalau masa-masa yang

berpatutan kapalterbang tidak akan meninggalkan penumpang-penumpang (passengers) selagi penumpang-penumpang itu dapat datang memenuhi janji.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa juga ada menyatakan patutlah Syarikat Penerbangan MAS mengambil kakitangan anak bumiputra setidak-tidaknya 50%. Sukalah saya menyatakan pada masa ini MAS mempunyai lebih 56% kakitangan yang terdiri daripada anak-anak bumiputra dalam segala peringkat Jabatan dalam Penerbangan MAS.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada meminta supaya ditinggikan mutu express rakyat. Kita berharap perkara ini akan kita kaji dan kita percaya kita boleh laksanakan dari satu masa ke satu masa. Tetapi berilah kesempatan kepada pihak Keretapi Tanah Melayu dalam melaksanakan cita-cita itu cara berperingkat-peringkat.

Mengenai rumah pekerja telah saya jawab. Demikian juga keretapi ke negeri Trengganu.

Pejabat Pos yang dimaksudkan di Bayan Lepas akan diberikan perhatian dan pertimbangan.

Berhubung dengan pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang, masalah ini saya sendiripun memang menyedari keadaan yang berlaku tetapi oleh kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi, bangunan terminal kita yang ada sekarang ini sudah menjadi begitu sempit, maka amat sukar hendak diadakan tempat-tempat yang lebih selesa, yang lebih menyenangkan bagi pemeriksaan-pemeriksaan, tetapi bagaimanapun setelah terminal ini diperbaiki dan diperbesarkan kita berharap keadaan ini dapat diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menyebutkan mengenai perjalanan keretapi ke utara. Dalam masalah ini saya akan rundingkan dengan pihak keretapi.

Satu masalah yang pada mulanya saya sendiripun kurang faham apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi setelah Tuan Pengerusi bertanya kepada beliau maka dapatlah saya fahamkan yang dimaksudkan jambatan ini ialah jambatan-jambatan di lintasan rata keretapi. Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa bukan semua masalah ini menjadi tanggungjawab Jabatan Keretapi. Ada banyak terdapat lintasan-lintasan yang dibuat menerusi jalan keretapi itu oleh sesuatu

badan, syarikat-syarikat swasta ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain dan seumpamanya setelah jalan keretapi di tempat itu ada, yakni lintasan-lintasan itu dibuat setelah jalan keretapi dibina di situ, maka lintasan-lintasan itu dibuat di luar tanggungjawab keretapi. Tetapi bagaimanapun satu Jawatankuasa telahpun dilantik dalam tahun 1973 yakni setelah berlakunya peristiwa kemalangan di Lemal dan Jawatankuasa ini telahpun mengemukakan memorandumnya kepada Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan kepada Jabatan Keretapi bagi memperbaiki jambatan-jambatan atau seumpamanya di lintasan rata keretapi itu dan pada dasarnya Kerajaan telahpun bersetuju memberikan peruntukan kepada Jabatan Keretapi bagi membolehkannya memperbaiki keadaan itu.

Berhubung dengan kapalterbang perkhidmatan MAS ke utara, ke Alor Star yang telah dimaksudkan, sukalah saya menyatakan penerbangan-penerbangan itu dibuat setelah dikaji ekonomik atau tidak, tetapi sekiranya tidak ekonomik, sukar bagi pihak MAS hendak mengadakan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, keadaan ini ditimbang dan dikaji dari satu masa ke satu masa dan apabila kemungkinan penerbangan ke Alor Star itu boleh memberi faedah ekonomi kepada MAS, maka MAS akan memberi tambahan perkhidmatan.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berhubung dengan kerosakan talipon yang berlaku lambat diperbaiki, ini akan saya ambil perhatian dan akan saya runding dengan pihak yang berkenaan.

Berhubung dengan permohonannya supaya mengadakan Pejabat Pos Mini di rancangan-rancangan perumahan, saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan Pejabat Pos Mini, tetapi bagaimanapun pihak Jabatan Pos memang ada menyediakan wakil-wakil pos di mana-mana mustahak dan menasabah di rancangan-rancangan perumahan atau di perkampungan yang baru dibuka.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyatakan supaya diadakan wakil pos di kampung-kampung baru yang dibuka dan di rancangan-rancangan FELDA. Ini adalah memang menjadi rancangan Jabatan Pos di mana-mana juga terdapat rancangan-rancangan tanah FELDA, di mana terdapat kampung-kampung baru yang dibuka, maka Jabatan Pos mengadakan wakil-wakil pos.

Berhubung dengan permohonan talipon Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu, saya memanglah simpati, saya berjanji akan memberi pertimbangan apabila permohonan untuk peruntukan tahun depan dikemukakan kepada Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menyatakan meminta Pejabat-pejabat Pos ditambah di pekan-pekan di luar bandar. Ini adalah menjadi tujuan Pejabat Pos di mana-mana juga terdapat bandar-bandar baru yang jumlah penduduk-penduduknya ramai, maka pihak Jabatan Pos akan membina pejabat pos, di kampung-kampung kecil diadakan wakil-wakil Pos.

Berhubung dengan sikap pegawai dalam menentukan perkara-perkara kecil mengenai apa yang dikatakan tempat berhenti pos bergerak umpamanya, saya akan cuba siasat dan akan saya betulkan jika keadaan ini benar berlaku.

Berhubung dengan sistem penyimpanan wang dan masalah-masalah nominee dalam simpanan Bank Nasional ini, masalah ini adalah masalah Bank Simpanan Nasional dan bukan di bawah tanggungjawab Jabatan Pos. Bagaimanapun akan saya kemukakan perkara ini pada pihak yang berkenaan.

Berhubung dengan talikom bagi kawasan beliau yang beliau sebutkan hanya sejauh dua batu tetapi untuk mendapat perhubungan terlalu susah, barangkali beliau tentu sedar bahawa keadaan itu sedang diperbaiki sekarang.

Berhubung dengan permintaan mengadakan pondok-pondok talipon di mana terdapat Rukun Tetangga, saya suka menyatakan masalah permohonan pondok-pondok talipon ini adalah bergantung kepada senarai

yang dikemukakan menerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah. Sekiranya permohonan-permohonan tidak disenaraikan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah tentulah sukar bagi Jabatan Talikom hendak memberi kemudahan-kemudahan ini.

Sekian sahaja jawapan saya. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli ahli Yang Berhormat dan mana-mana teguran yang tidak saya jawabkan dalam jawapan saya ini, apabila saya dapati setelah saya semak semula, akan saya timbangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,179,900 untuk Kepala B. 55, \$10 untuk Kepala B. 56, \$7,251,800 untuk Kepala B. 57, \$6,457,500 untuk Kepala B. 58, \$4,554,800 untuk Kepala B. 59, \$7,215,400 untuk Kepala B. 60, \$63,001,100 untuk Kepala B. 61 dan \$10 untuk Kepala B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual; dan wang sebanyak \$191,632,130 untuk Kepala P. 55, \$35,025,910 untuk Kepala P. 56, \$27,597,030 untuk Kepala P. 57, \$3,023,000 untuk Kepala P. 58, \$2,262,620 untuk Kepala P. 59, \$3,627,020 untuk Kepala P. 60, \$6,524,000 untuk Kepala P. 61 dan \$389,249,000 untuk Kepala P. 62 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Khamis, 9hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.